

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"SEMENTARA itu, pendekatan pembangunan kita akan diteruskan dengan amalan hidup bermuafakat yang sihat, taat beragama dan setia kepada raja berlandaskan MIB atau Melayu Islam Beraja. Bagi memantapkan pendekatan tersebut, kita perlu menyemai sikap suka membina diri, rajin dan gigih, berijm- cermat dan melabur untuk masa depan."

- Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-65 Tahun pada 15 Julai 2011 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"WAHA! orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang benar. Nescaya Allah memperbaiki amalan-amalan kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia mendapat kemenangan yang besar."

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ahzab, ayat 70 - 71).

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.34

SUBUH
4.44

SYURUK
6.06

DUHA
6.30

ZUHUR
12.18

ASAR
3.39

MAGHRIB
6.27

ISYAK
7.40

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 61 / BILANGAN 58

14 MEI 2016 / 1437 شعبان 7

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berkenan menerima mengadap perpisahan



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatannya ke negara ini, Tuan Yang Terutama Brigadier (B) Muhammad Zareef Malik.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama Brigadier (B) Muhammad Zareef Malik telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Mei 2014.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatannya ke negara ini, Tuan Yang Terutama Brigadier (B) Muhammad Zareef Malik.

Laksana tanggungjawab dengan ikhlas, amanah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersabda, dalam konteks pengagihan buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, janganlah kedengaran lagi sungutan orang ramai yang masih tidak menerimanya, kerana jika ianya

masih berlaku bermakna terdapat kepincangan dalam pengagihan kurma-kurma kurnia peribadi tersebut.

"Oleh itu, bagi memastikan proses pengagihan kurma ini benar-benar menepati maksudnya, pihak YSHHB telah berusaha melaksanakan beberapa inisiatif yang antara lain menyediakan borang-borang serah terima yang perlu ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, iaitu pihak yang menyerahkan dan yang menerima kurma berkenaan.

Saya berharap dengan adanya kaedah ini, pengagihan kurma-kurma kurnia peribadi berkenaan akan dapat dibuat dengan lebih sempurna, teratur

dan bersistematik," sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa bersabda pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1437 Hijrah / 2016 Masihi, di Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Yang Teramat Mulia bersabda, usaha-usaha ini tidak akan berhasil jika tidak ada sokongan dan kerjasama yang padu daripada semua penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

Walau bagaimanapun, telah sampai ke pengetahuan YTM, ada sebahagian pemimpin akar umbi yang kurang memberikan kerjasama yang diharapkan.

Ke muka 3

Kenaikan pangkat pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mei. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammad Zamree bin Haji Junaidi ditukar dan dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Kemajuan Pelancongan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mulai 3 Mei 2016.



Muka 6

NBD - Singapura kongsi maklumat trend jenayah semasa



Muka 13

SEMBAHYANG rapatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala

Belia generasi penyambung pergerakan kemanusiaan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

DENGAN memanjatkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dan di atas izin serta limpah kurnia rahmat dan hidayah-Nya jua kita dapat berkumpul pada petang awal bulan Syaaban ini di Majlis Perhimpunan Agung Kebangsaan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Sedunia. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat dan pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam kini telah pun mencecah usia 68 tahun penubuhannya. Sejarah awalnya bermula di tahun 1948 dengan Cawangan Palang Merah British.

Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam ditubuhkan dengan matlamat utama untuk mengujudkan sebuah badan pergerakan kemanusiaan yang bertaraf antarabangsa tanpa perbezaan politik, bangsa, agama dan bersesuaian dengan tujuh prinsip asas fundamental yang diamalkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam juga sejajar dengan penandatanganan empat konvensyen Geneva pada 12 Ogos 1949 bersama dengan protokol 1 dan 2 pada bulan Jun 1972 dan seterusnya protokol-protokol tambahan lainnya.

Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dengan sendirinya menjadi *auxiliary* kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah pergerakan kemanusiaan yang memberikan perkhidmatan sukarela sesuai dengan piagam antarabangsa dan yang terkandung di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Saya difahamkan bahawa pada setiap 8 Mei setiap tahun, Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa merayakan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia. Makanya Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Perhimpunan Agung pada hari ini bertepatan tarikh bersukut baik itu. Pada tahun ini tema yang dipilih ialah 'Everywhere for Everyone' atau 'Di Mana Saja untuk Sesiapa Jua'.

Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa yang dianggotai oleh 190 buah negara di seluruh dunia, Negara Brunei Darussalam adalah ahlinya yang ke-170. Dengan keahlian hampir 17 juta sukarelawan ia telah berjaya menjadi sebuah pergerakan kemanusiaan yang besar dan mampan. Penglibatan kerja-kerja kemanusiaan yang dilakukan secara sukarela sama ada dalam menghadapi suasana peperangan, bencana alam, kemelut perang saudara dan pelbagai isu lain telah berjaya menjadikannya sebuah organisasi yang penting.

Seperti maklumat yang saya terima, saya amat bangga dengan perkembangan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof berucap pada Majlis Perhimpunan Agung Kebangsaan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia pada hari Ahad, 1 Syaaban 1437 Hijrah bersamaan 8 Mei 2016 Masihi di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam.

Dalam usianya yang kini 68 tahun, persatuan ini telah pun berjaya khususnya dalam mengharungi era transformasi kepimpinannya. Warga belia pada hari ini telah diberi kesempatan dan kepercayaan menjadi pemimpin utama dalam barisan Lembaga Eksekutif Kebangsaan dan ini adalah satu kemajuan dalam usaha mendekatkan jurang kepimpinan generasi masa lalu dengan generasi masa depan. Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah menyedari warga belia adalah generasi yang bakal menyambung ke depan pergerakan kemanusiaan yang menjadi paksi utama kepada organisasi Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa.

Sehubungan dengan evolusi terkini ini, Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam perlu terus peka terhadap cabaran dalam kepimpinan dan cabaran untuk terus meningkatkan keupayaan kapasiti ahli-ahlinya dalam memastikan objektif penubuhan persatuan ini akan tetap terus relevan dan mampu memberikan perkhidmatan cemerlang kepada bangsa dan negara.

Dalam era ekonomi dunia yang dihambat oleh pelbagai cabaran ini, seperti juga pergerakan atau persatuan yang lain, ahli-ahli Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam perlu lebih proaktif dalam memastikan keupayaan peningkatan diri sendiri terutama sekali dalam mencari jalan untuk menjana pendapatan sebagai pemangkin dana untuk membiayai kegiatan dan aktiviti serta urusan tadbir organisasi.

Di Brunei Darussalam, Persatuan Bulan Sabit Merah cukup sinonim dengan Perkhidmatan Pertolongan Cemas. Program-program latihan pertolongan cemas

merupakan salah satu peluang yang boleh dikomersialkan sebagai produk menjana dana.

Dengan penubuhan Akademi Pertolongan Cemas Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam pada tahun lalu, saya difahamkan bahawa akademi ini telah pun mendapat pengiktirafan daripada Internatioanl Federation of Red Cross and Red Crescent Society dan sekali gus akademi ini juga telah diberikan pengiktirafan antarabangsa untuk mengeluarkan sijil-sijil pertolongan cemas.

Saya juga dimaklumkan bahawa Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam telah pun bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan di negara ini dalam hubung kait penyediaan program-program pertolongan cemas yang lebih komprehensif dan bersesuaian dengan modul kebangsaan. Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam memainkan peranan yang amat penting dalam memberikan Perkhidmatan Pertolongan Cemas ataupun First Aid Services.

Selain dari itu, saya dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga maklum dan memberikan penghargaan di atas keterlibatan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dalam kerja-kerja Pengurusan Bencana di Peringkat Kebangsaan. Malah persatuan ini juga aktif dalam memeduli warga masyarakat yang kurang berkemampuan dengan mengukayahkan projek-projek amal dan kemanusiaan dari semasa ke semasa.

Kepada semua warga Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam saya penuh berharap supaya akan terus komited dalam memberikan Perkhidmatan Pertolongan Cemas sebagai wadah fundamental kepada pergerakan kemanusiaan yang sudah sebatu dalam diri semua semenjak 68 tahun yang lalu.

Saya sukacita menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Ahli Lembaga Eksekutif Kebangsaan yang baharu dilantik yang akan menerajui kepimpinan organisasi sehingga satu masa yang telah ditetapkan dan insyaaAllah akan dapat terus membawa persatuan ketahap yang lebih membanggakan dan berjaya.

Tahniah dan penghargaan juga kepada seluruh warga Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam di atas Sambutan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia yang dirayakan pada hari ini semoga tema 'Di Mana Saja untuk Sesiapa Jua' akan tetap menjadi pemangkin kepada usaha memberdayamajukan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam menepati objektif penubuhannya.

Pada akhirnya, saya juga mengucapkan sangat berterima kasih kepada Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam kerana memberikan saya kesempatan istimewa hadir dan menjadi sebahagian dari abiskita di perhimpunan yang signifikan dan bersejarah ini.

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

14 MEI 2016 BERSAMAAN 1437 شعبان 7

TERAPKAN SIKAP MENABUNG UNTUK KEPERLUAN MASA DEPAN

SERING kita mendengar peribahasa yang mengatakan melentur buluh biarlah daripada rebungnya sangat sinonim dalam kehidupan pada zaman moden kini. Peribahasa ini bertepatan dengan peranan ibu bapa dalam melatih serta menerapkan amalan menabung kepada anak-anak mereka sedari kecil. Amalan menabung sangat penting dalam menghadapi dunia yang penuh dengan cabaran, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi dunia yang tidak menentu. Kegawatan ekonomi menjadi hambatan dan mendatangkan impak yang besar kepada kita semua.

Ibu bapa memainkan peranan yang sangat dominan dalam menerapkan amalan menabung kepada anak-anak. Ibu bapa perlu mengawal dan membuat pemantauan terhadap perbelanjaan harian anak-anak mereka dan perlu memastikan anak-anak berbelanja mengikut keperluan dan bukannya kemahuan. Sebagai contoh, ibu bapa perlu memastikan anak-anak menggunakan wang perbelanjaan persekolahan mereka untuk keperluan makanan dan minuman di sekolah dan menyimpan di dalam tabung. Wang yang diberikan tidak boleh melebihi perbelanjaan harian anak-anak.

Memetik sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Pembukaan Rasmi Hari Autoriti Monetari Brunei Darussalam 2015 pada 10 Syaaban 1436 Hijrah bersamaan 28 Mei 2015 Masihi yang antara lain bersabda: "Justeru saya ingin menekankan tentang perimustahaknya pengetahuan serta amalan pengurusan kewangan yang bijak dan berhemat bagi memenuhi keperluan diri dan masa depan keluarga. Ia termasuklah mengatur perancangan ke hadapan bagi memiliki rumah kediaman sendiri serta persediaan untuk membantu meningkatkan tahap pendidikan anak-anak. Ini juga merangkumi keperluan untuk menyediakan perbelanjaan harian termasuk budaya menabung bagi menampung berbagai keperluan sepanjang hayat. Amalan terbaik ini perlulah dipupuk bermula dari seawal peringkat kanak-kanak secara berdisiplin."

Setiap perlakuan ibu bapa pastinya menjadi ikutan anak-anak sebagai contoh perbuatan ibu bapa untuk menabung akan menimbulkan minat dalam diri anak-anak dan amalan ini akan menjadi budaya kepada anak-anak apabila mereka dewasa nanti. Bagaimanapun, amalan positif yang dilakukan seperti semakin terhakis dalam arus kehidupan masyarakat kita yang serba moden. Jika adapun kaedah menabung, kini tidak sama seperti dulu di mana ibu bapa akan menyediakan tabung dari batang buluh untuk diisi oleh anak-anak sebelum pergi ke sekolah. Setelah penuh tabung tersebut akan dipecahkan dan ibu bapa kita akan menghantar duit simpanan tersebut ke bank. Ini adalah di antara inisiatif ibu bapa zaman dahulu dalam menggalakkan amalan menabung kepada anak-anak mereka.

Perkara ini juga bertepatan dengan tema Hari Menabung Kebangsaan pada tahun ini 'Generasi Celik Kewangan' yang mencerminkan matlamat untuk membangunkan generasi yang berkemahiran dan pandai berdiari dari segi kewangan. Selain itu, ia juga dihasratkan untuk menyumbang kepada matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran.

Langkah dan usaha seperti ini amat penting kerana ia bukan saja mengajar berijmat-cermat malah sebagai persediaan masa depan terutama ketika ingin menyambung pengajian ke universiti. Selain pelajar sendiri menyedari kepentingan menabung, ibu bapa juga perlu memainkan peranan di dalam menyemai budaya menabung dalam diri anak-anak mereka sejak kecil lagi. Pihak sekolah, badan bukan kerajaan dan bank tempatan juga boleh memainkan peranan dalam menggalakkan pelajar menabung yang terbukti banyak faedahnya. Pelajar juga digalakkan membuka akaun simpanan di mana-mana bank untuk menyimpan duit tabungan supaya ia selamat dan boleh digunakan di saat-saat ia diperlukan baik disaat kecemasan mahupun untuk masa hadapan penyaliran.

Hari Menabung Kebangsaan tahun ini memberikan tumpuan utama kepada generasi muda, dengan penyediaan beberapa acara dan aktiviti yang interaktif melalui jerayawara di sekolah-sekolah bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan mata wang. 'Financial Fun Fair' juga akan diadakan di Jerudong Park Playground pada 22 Mei ini yang dibukakan untuk kunjungan orang ramai. Ia memuatkan pelbagai aktiviti interaktif mengenai pengurusan kewangan yang berhemat dan perkara-perkara yang berkaitan dengan mata wang daripada AMBD, TAP dan insitusi serta agensi-agensi yang berkaitan. Orang ramai bolehlah mendapatkan maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan tahun ini dengan melayari laman sesawang 'www.ambd.gov.bn' atau e-mel 'corpcomms@ambd.gov.bn'. - **Ketua Penyuntingan PB (Nh).**

Ramalan Cuaca Tiga Hari

SABTU	AHAD	ISNIN
25°C - 33°C	25°C - 33°C	25°C - 33°C
26°C - 33°C	26°C - 33°C	26°C - 33°C
24°C - 33°C	26°C - 33°C	32°C - 26°C
25°C - 33°C	25°C - 33°C	32°C - 26°C
26°C - 33°C	26°C - 33°C	32°C - 26°C
26°C - 33°C	26°C - 33°C	32°C - 26°C
26°C - 33°C	26°C - 33°C	32°C - 26°C
26°C - 33°C	26°C - 33°C	32°C - 26°C

Walaupun cuaca berawan, suhu akan kekal hangat. Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM. KEMENTERIAN PERHIMPUNAN. Telefon: Talian Cusca 114

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi MEI	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	SABTU	7	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
15	AHAD	8	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
16	ISNIN	9	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
17	SELASA	10	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
18	RABU	11	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
19	KHAMIS	12	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
20	JUMAAT	13	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.27	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123	NDMC 2380214
---------------------	-----------------	--------------	--------------	-------------------	---	-----------------

YTM berkenan menyempurnakan pengagihhan kurma



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan menyempurnakan Pengagihhan Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada penerima.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Pengagihhan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Bulan Ramadan 1437 Hijrah / 2016 Masihi.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik di Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri, dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dibacakan oleh Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan disusuli dengan sembah alu-aluan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Dalam sembah alu-aluan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, antara lain menyempurnakan,

pada tahun ini, YSHHB telah membuat pembelian kurma, iaitu jenis Safawi sebanyak 154 tan metrik, iaitu sebanyak 513,333 kotak kecil untuk dibahagi-bahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk Islam termasuklah pekerja-pekerja asing yang beragama Islam di negara ini.

Sifir pembahagian sembahnya, adalah satu kotak kecil (300gm) bagi setiap orang yang beragama Islam tanpa mengira umur.

Pada majlis tersebut, Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyempurnakan Pengagihhan Buah Kurma Kurnia

Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada penghulu-penghulu mukim (yang memangku jawatan ketua-ketua kampung), ketua-ketua kampung, pemerintah-pemerintah dan komandan-komandan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta pengarah-pengarah formasi dan pegawai-pegawai pemerintah Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah.

Pengurniaan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan kurnia peribadi baginda kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang menunjukkan tanda kasih dan pemedulian baginda, di samping



ANTARA yang hadir pada Majlis Pelancaran Pengagihhan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Bulan Ramadan 1437H / 2016M.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Pelancaran Pengagihhan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1437 Hijrah / 2016 Masihi.

Laksana tanggungjawab dengan ikhlas, amanah

Dari muka 1

Perkara ini, sabda YTM, sepatutnya tidak timbul lebih-lebih lagi tugas-tugas yang dipikul ini adalah merupakan satu amanah yang perlu dituai dengan sempurna dalam memastikan hajat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat buah kurma kurnia peribadi baginda itu menjadi sajian berbuka puasa di negara ini.

Oleh yang demikian, YTM berseru kepada mereka yang berkenaan supaya akan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik-baiknya, dengan ikhlas dan amanah semata-mata bagi meraih ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Terdahulu YTM bersabda, bulan Ramadan merupakan satu peluang keemasan untuk setiap umat Islam meningkatkan ketakwaan diri, selain menambahkan kesyukuran atas nikmat yang dikurniakan untuk mendapat keampunan dari segala dosa yang telah dilakukan.

YTM bersabda, kita sering diperingatkan untuk sentiasa bertakwa dengan sebenar-benarnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana ianya adalah merupakan satu kewajipan kita selaku hamba-Nya.

"Secara ringkas orang yang bertakwa ialah orang yang menjunjung dan patuh kepada semua perintah Allah Subhanahu Wata'ala," tegas YTM.

"Menurut Imam Al-Ghazali Rahimahullah, kalimah takwa yang terdapat di dalam Al-Quran Al-Karim membawa tiga makna : pertama, bermakna takut, gerun dan ngeri; kedua, bermakna taat; dan ketiga, mengandungi maksud menyucikan hati daripada dosa," sabda YTM.

Dalam hal ini, sabda YTM, ibadat puasa adalah sangat berperanan bagi membentuk ketakwaan umat Islam kepada pencipta-Nya. Malah Al-Quran telah memperjelaskan bahawa mulia-mulia di kalangan manusia adalah mereka yang paling bertakwa.

Pada majlis tersebut, YTM merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YSHHB, pegawai-pegawai daerah, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan serta semua yang terlibat dalam mengendalikan pengagihhan kurma kurnia peribadi ini, kerana melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan mengurniakan ganjaran yang setimpal.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga paduka ayahanda akan sentiasa diberikan rahmat dalam bentuk kesihatan dan umur yang berpanjangan serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Aamiin," sabda YTM.

diharatkan sebagai juadah berbuka puasa di bulan Ramadan, yang mana perkara yang unik dan hanya boleh didapati di Negara Brunei seperti yang diketahui pengurniaan Darussalam. tersebut adalah merupakan suatu

Ke muka 4



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Bulan Ramadan 1437 Hijrah / 2016 Masihi (kanan), sementara gambar atas, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyempurnakan Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada penerima.

Dari muka 3

Adalah diharapkan semua ketua-ketua kampung dan mereka yang berkenaan, yang telah dipertanggungjawabkan bagi mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi baginda itu akan dapat menggunakan kebijaksanaan

masing-masing, supaya buah kurma kurnia peribadi itu akan diterima dengan baik dan sempurna, seterusnya dinikmati oleh setiap orang yang beragama Islam di negara ini bagi menjunjung hasrat dan niat suci baginda mengurniakan buah

kurma tersebut sebagai juadah berbuka puasa sempena bulan Ramadan.

Hadir sama pada majlis tersebut, Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pemerintah ABDB, Pesuruhjaya PDB, pegawai-pegawai daerah, penghulu- penghulu dan ketua-ketua kampung serta ketua-ketua rumah panjang di seluruh negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan yang terlibat dalam pengendalian pengagihan buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM dan wakil-wakil dari Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung di seluruh negara.

SEMPAH alu-aluan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.



ANTARA yang hadir pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Bulan Ramadan 1437H / 2016M (atas kiri dan atas).

Majlis Doa Selamat, Kesyukuran bagi Istiadat Bersiram



MAJLIS Doa Selamat serta Kesyukuran Istiadat Bersiram disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (kanan).



SUASANA Majlis Doa Selamat serta Kesyukuran Istiadat Bersiram Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah sempena selamat meluaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muthee'ah Raayatol Bolqiah binti Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mei. - Majlis Doa Selamat serta Kesyukuran Istiadat Bersiram Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah sempena selamat meluaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muthee'ah Raayatol Bolqiah binti Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, berlangsung di Surau Istana Nurul Iman.

Majlis disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Istiadat bermula dengan empat orang Awang-Awang masuk ke dalam majlis untuk meletakkan Dian Empat yang tersedia terpasang di tempat yangikhaskan.

Kemudian diikuti tiga orang Awang-Awang membawa masuk

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Saerah Haji Abdul Ghani, Marlinawaty Hussin, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Masri Osman, Hernie Suliana
Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said

Surat Dikir, Bantal Gaguling dan Pabarahan dan meletakkannya di tempat yang telah ditentukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kuncang yang juga mengetuai persembahan Dikir Assalamualai, diikuti bacaan Rawi (Al-Berzanji Nasar) serta bacaan Dikir Assrakal Badru oleh Yang Dimuliakan Pehin-Pehin Khatib dan Mudim-Mudim.

Sebaik bacaan Dikir Assrakal Badru dibacakan dan sejurus perenggan 'Ya Habibi' dibacakan, 17 das tembakan meriam dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir ke majlis berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang

Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Hulubalang, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Setiausaha-Setiausaha Tetap serta Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap.

Sementara di ruang lain Istana Nurul Iman, majlis turut dihadiri oleh para jemputan wanita.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muthee'ah Raayatol Bolqiah merupakan puteri pertama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah dan telah diputerakan pada hari Rabu, 22 Jamadilawal 1437 Hijrah bersamaan 2 Mac 2016 Masihi, jam 1.09 petang.



MAJLIS dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Budaya menabung penting kalangan generasi muda

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mei. - Bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2016, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan agensi-agensi berkenaan telah mengadakan jerayawara yang kedua daripada empat yang telah dijadualkan bertempat di Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Majlis Pelancaran Hari Menabung Kebangsaan 2016 telah diadakan awal bulan ini, di mana kepentingan budaya menabung terutamanya dalam kalangan generasi muda telah ditekankan.

Dengan tema 'Generasi Celik Kewangan' pada tahun ini, adalah diharapkan bahawa dengan peningkatan kesedaran mengenai kebebasan kewangan (*financial independence*), ia boleh membawa kepada individu dan isi rumah yang lebih berwaspada dalam menangani

isu-isu kewangan.

Ini adalah selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran.

Penuntut-penuntut daripada 10 buah sekolah rendah di Daerah Brunei dan Muara telah dijemput ke jerayawara ini, di mana para penuntut telah ikut serta dalam permainan-permainan dan aktiviti interaktif bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan mata wang, yang dianjurkan oleh AMBD, TAP, Bank Baiduri dan Junior Achievement.

Antara yang berangkat menyertai aktiviti semasa jerayawara tersebut ialah, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil.

AMBD dengan kerjasama

Kementerian Pendidikan dan TAP akan meneruskan siri jerayawaranya ke Daerah Belait pada hari Isnin, 16 Mei 2016 dan Daerah Tutong pada hari Rabu, 18 Mei 2016.

Di samping itu, acara-acara lain yang dirancang bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2016 adalah, Financial Fun Fair yang akan diadakan di Jerudong Park Colonnade pada hari Ahad 22 Mei 2016, bermula jam 3 petang hingga 9 malam, menampilkan pelbagai program keluarga dan aktiviti interaktif bertemakan pengurusan kewangan secara berhemat; Financial Planners' Day yang dianjurkan oleh Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), sebuah institusi latihan di bawah AMBD pada hari Khamis, 26 Mei 2016 dan Financial Planners' Showcase pada hari Sabtu, 28 Mei 2016.

Untuk makluman lanjut mengenai dengan Hari Menabung Kebangsaan 2016, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang www.ambd.gov.bn/nsd2016 atau menghubungi AMBD melalui e-mel corpcomms@ambd.gov.bn.



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil di antara pengunjung dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada Majlis Jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2016.

Brunei - Singapura kukuhkan kerjasama

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mei. - Delegasi Republik Singapura yang berada di negara ini bagi Mesyuarat Dua Hala Tahunan Kedua di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura meneruskan lawatan kerja pada hari kedua ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), di ibu negara.

Delegasi yang diketuai oleh Setiausaha Tetap KHEDN, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leo Yip yang juga selaku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha Tetap bagi Keselamatan Negara dan Penyelaras Intelligence telah mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Perjumpaan itu menandakan persefahaman dan kerjasama yang erat di antara dua negara berjiran

dan merupakan satu peluang untuk bertukar-tukar pandangan dan maklumat dalam perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Sejurus perjumpaan, delegasi dari KHEDN, Republik Singapura itu juga disertai oleh Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Dasar (PDD), How Kwang Hwee; Pengurus Kanan (Pertahanan Sivil), Mejar Tay Zhi Wei; Pengarah Kanan, Kumpulan Operasi Bersama (JOG), Marvin Sim; Timbalan Pengarah, Pengurusan Operasi Bersama, Deculan Goh dan Timbalan Pesuruhjaya (Dasar), DCP Lim Kok Thai, buat julung-julung kalinya mengadakan Mesyuarat Perintis Dua Hala yang berlangsung di Bilik Muwaffaqah, Bangunan KHEDN.

Mesyuarat Dua Hala yang dipengerusikan bersama oleh Pemangku Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali dan TYT Leo Yip menandakan satu



DELEGASI Republik Singapura yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leo Yip (kiri) yang juga selaku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha Tetap bagi Keselamatan Negara dan Penyelaras Intelligence telah mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (kanan).

lagi peristiwa penting dalam hubungan istimewa di antara kedua-dua negara sepertimana yang telah dipersetujui di dalam 'Letter of Intent' yang telah ditandatangani di antara KHEDN

Negara Brunei Darussalam dengan Ministry Home Affairs (MHA) Singapura pada 8 September 2014, terutamanya dalam bidang keselamatan negara iaitu skop-skop kerjasama di antara kedua-dua kementerian adalah di dalam Border Control Measures, Fire-Fighting dan Urban Search and Rescue Management.

Hadir sama pada Mesyuarat Dua Hala tersebut ialah Timbalan

Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar; ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN dan pegawai-pegawai kanan KHEDN.

Mesyuarat Dua Hala juga termasuk mengadakan lawatan ke tempat-tempat strategik untuk keselamatan, iaitu Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Penjara Maraburong.

NBD - Singapura kongsi maklumat trend jenayah semasa

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mei. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus terdedah kepada cabaran-cabaran keselamatan yang dinamik.

Dalam hubungan ini, adalah penting bagi kedua-dua negara untuk saling bekerjasama di antara satu sama lain melalui pelbagai langkah dan inisiatif antaranya melalui mesyuarat dan pertukaran dua hala tahunan.

Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof menyatakan perkara tersebut pada Mesyuarat Dua Hala Kali Ke-2 antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, berlangsung di Jabatan Perdana Menteri.

Menurut Awang Abdul Mutalib, Mesyuarat Dua Hala Tahunan menyediakan ruang untuk rakan-rakan agensi dari kedua-dua negara untuk bertemu, berbincang, dan berkongsi pengalaman operasi serta amalan terbaik antaranya seperti memerangi keganasan dan jenayah transnasional.

Melalui mesyuarat ini, tambah Awang Abdul Mutalib, ia diharap dapat mewujudkan pertukaran maklumat yang berterusan berkaitan dengan trend jenayah dan pengalaman domestik dalam menangani isu-isu keganasan, jenayah siber, dokumen perjalanan yang hilang dan dicuri serta pengedaran dadah haram.

"Kita berharap untuk mempunyai peserta bagi inisiatif-inisiatif kita untuk menjadi, i) lebih bersedia dengan pengetahuan dan pemahaman semasa isu-isu keselamatan di kedua-dua negara; ii) mewujudkan rangkaian tambahan dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain di Negara Brunei Darussalam dan Singapura; iii) membangunkan kemahiran kepimpinan dan; iv) memupuk kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua negara dalam bidang keselamatan dan penguatkuasaan," jelas beliau.

Mesyuarat Dua Hala Kali Ke-2 yang dianjurkan oleh Bahagian Keselamatan dan Penguatkuasaan



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof (kiri) dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leo Yip (kanan) mempengerusikan bersama Mesyuarat Dua Hala Kali Kedua.

di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura itu telah dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leo Yip.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Mulia Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di Bahagian Keselamatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di bawahnya.

Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut ialah perkongsian maklumat mengenai trend jenayah semasa dan strategi-strategi pencegahan dan pembanterasannya jenayah rentas sempadan bagi kedua-dua buah negara dan bidang kerjasama lain yang berkepentingan bersama kedua-dua negara.

Tujuan utama mesyuarat dua hala ini ialah untuk mengongsi pengalaman operasi dalam menentang jenayah pengesanan dan jenayah merentas sempadan, bertukar maklumat terhadap tren jenayah dan pengalaman domestik dalam membantas jenayah pengesanan, penyeludupan dadah haram, penyeludupan manusia, jenayah siber, pembersihan wang haram, lanun dan isu-isu kepentingan bersama

kedua-dua negara dan juga meneroka latihan-latihan bagi pegawai agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan.

Mesyuarat Dua Hala ini juga diselenggarakan dengan lawatan kerja para delegasi Republik Singapura ke Pusat Kawalan Negara, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik. Beberapa acara sukan persahabatan juga telah diatitkan semasa delegasi Republik Singapura berada di negara ini.

Sejak penandatanganan Letter of Intent di antara Jabatan Perdana Menteri (Keselamatan dan Penguatkuasaan) Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura pada 10 September 2014, kedua-dua belah pihak telah berjaya mengukuhkan Mesyuarat Dua Hala Kali Pertama, yang berlangsung di Republik Singapura pada bulan Mei 2015.

Salah satu keputusan pada Mesyuarat Dua Hala Kali Pertama tersebut ialah kerjasama untuk mengadakan Program Tahunan Pertukaran Latihan Bersama Bagi Pegawai-pegawai Kanan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura (Joint Training Annual Exchange Programme for Senior Officers of Brunei Darussalam and Singapore).

Dengan semangat kerjasama yang tinggi, kedua-dua belah pihak, telah berjaya mengadakan Program Tahunan Pertukaran Latihan Bersama tersebut pada 16 hingga 27 November 2015 di Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

NDMC terima lawatan delegasi Republik Singapura



PERTUKARAN cenderahati di antara Pemangku Pengarah Pusat Bencana Kebangsaan (NDMC) Awang Abdul Rahim bin Ismail (kiri) kepada wakil rombongan dari Republik Singapura.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mei. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) telah menerima lawatan rombongan delegasi dari Republik Singapura.

Sejurus tiba di pusat berkenaan, rombongan delegasi Republik Singapura dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah NDMC, Awang Abdul Rahim bin Haji Ismail.

Sebelum melawat ke beberapa tempat di NDMC, delegasi Republik Singapura telah diberikan taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, NDMC, Dayang Rina Nurhafizah Rezza binti Abdul Rani di Pusat Perintah Bencana (DCC).

Menurutnya, DCC yang berperanan sebagai pusat koordinasi dan pengumpulan maklumat apabila terjadi bencana pada peringkat kebangsaan serta serantau, di samping mengkoordinasi jalinan perhubungan dan keperluan logistik bagi operasi bencana melalui District Emergency Operation Centre di setiap daerah.

NDMC yang terletak di Jalan Landasan Lama, Berakas, berdekatan Ibu Pejabat JBP, ditubuhkan pada 1 Ogos 2006 di bawah mandat Perintah Pengurusan Bencana 2006.

Sejak ditubuhkan, pelbagai langkah proaktif telah diambil oleh NDMC dengan kerjasama pelbagai agensi dalam sama-sama memelihara keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam daripada sebarang kejadian yang tidak diingini.

Salah satu daripada pendekatan yang diambil oleh NDMC ialah pengurangan risiko bencana atau *disaster risk reduction*.

Disaster risk reduction secara ringkasnya, bertujuan untuk mengurangkan kadar kerosakan dan kerugian yang dibawa oleh sesuatu kejadian bencana melalui tindakan-tindakan yang teratur serta bersistematik.

Delegasi berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Dua Hala Tahunan Kedua antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura diadakan bermula 9 hingga 11 Mei 2016.

Terus berusaha tingkat mutu bacaan Al-Quran

**Berita dan Foto :
Mohamad Azmi Awang Damit**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mei. - Qari dan qariah negara disaran agar terus berusaha untuk meningkatkan mutu bacaan Al-Quran dari semasa ke semasa.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyarankan demikian semasa berucap pada Majlis Penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran bagi wakil Negara Brunei Darussalam pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-58 yang berlangsung di Mangrove Paradise Resort.

"Di samping itu, amat mustahak bagi qurra turut berusaha keras memajukan diri masing-masing dengan penuh dedikasi, berdisiplin, ikhlas dan tawaduk, kerana ayat-ayat yang dibacakan dengan indah ini adalah kitab milik Allah dan seharusnya ditangani dengan etika yang mulia dan terpuji," ujar Yang Berhormat.

Kemenangan qari dan qariah negara pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-58 di Kuala Lumpur, Malaysia merupakan penanda tahap kejayaan yang akan menjadi perangsang dalam menggandakan lagi usaha untuk mempertingkatkan dan memartabatkan bidang Al-Quran.

"Ilmu taranum dan ilmu hafazan bahkan juga mencantumkan kedua-dua kemahiran menghafaz dengan bertaranum itu ke tahap yang akan menjadi satu lagi mercu tanda Negara Zikir Brunei Darussalam," tambah Yang Berhormat.

Beberapa mekanisme turut diusahakan bagi menggalakkan dan meningkatkan mutu bacaan Al-Quran di negara ini.

"Di antaranya Skim Tilawah Remaja bagi penuntut-penuntut sekolah kendalian Jabatan Pengajian Islam; Bengkel Taranum Al-Quran bagi qari dan qariah yang bertanding anjuran Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Pusat Penyebaran dan Pengajian Al-Quran (PPPQ); Institut Tahfiz

Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Jabatan Al-Quran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa peningkatan bacaan qari dan qariah memerlukan kerjasama serta usaha bersepadu dari semua pihak dalam sama-sama membuat perubahan dan memantapkan pengajaran taranum melalui kajian dan kaedah yang lebih berkesan dan mantap.

"Kementerian Hal Ehwal Ugama, insyaaAllah akan mengembangkan pemikiran yang ada setakat ini, yang mana sesuai dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mahu mutu bacaan qari dan qariah kita terus menerus meningkat," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga merakamkan ucapan tahniah kepada qari dan qariah negara yang telah berjaya mengharumkan nama negara serta ucapan terima kasih kepada pembimbing-pembimbing yang telah berusaha memberikan tunjuk ajar dengan penuh keikhlasan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran bagi wakil Negara Brunei Darussalam pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-58.

Qari, qariah terima Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyempurnakan penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran kepada Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyempurnakan penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran kepada Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mei. - Pencapaian mutu bacaan qari dan qariah Negara Brunei Darussalam yang telah berjaya mengharumkan nama negara pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-58 di Kuala Lumpur, Malaysia baru-baru ini adalah

meningkat.

Dalam usaha untuk memberikan galakan kepada qari dan qariah negara, satu Majlis Penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran bagi wakil Negara Brunei Darussalam pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat

**Berita dan Foto :
Mohamad Azmi Awang Damit**

Antarabangsa Ke-58 berlangsung di Mangrove Paradise Resort.

Hadir Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman selaku tetamu kehormat.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan ahli keluarga qari serta qariah.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam KHEU, Awang Haji Idris bin Haji Aji.

Dalam ucapan berkenaan, beliau menekankan bahawa kerajaan secara berterusan telah berusaha untuk meningkatkan mutu bacaan qari dan qariah negara khususnya pada peringkat antarabangsa dengan memberikan kursus intensif, Bengkel Taranum Al-Quran dan latihan khas dari tenaga pakar luar dan dalam negara.

Acara kemudiannya turut diserikan lagi dengan persembahan bacaan Al-Quran daripada Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki, peserta qari negara yang telah berjaya mendapat tempat kedua pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-58 dengan memperoleh 90.15 peratus.

Turut memperdengarkan persembahan bacaan Al-Quran ialah wakil qariah negara, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli yang mendapat tempat ketiga dengan memperoleh 85.88 peratus.

Pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama telah menyempurnakan penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran kepada qari dan qariah negara yang masing-masing menerima tujuh ribu ringgit berserta hadiah iringan dan empat ribu ringgit berserta hadiah iringan.

UNISSA, Universiti al-Azhar tingkatkan hubungan kerjasama

**Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mei. - Dalam rangka mengukuhkan dan mempertingkatkan hubungan kerjasama strategik antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti al-Azhar, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal telah mengadakan perbincangan dengan Presiden Universiti al-Azhar, Profesor Dr. Ibrahim Salah Hudhud di Universiti al-Azhar, Kaherah, Republik Arab Mesir.

Turut serta dalam rombongan ini ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Dr. Azme bin Haji Matali.

Perbincangan ini antara lain bertujuan untuk mengukuhkan lagi kerjasama strategik dalam pelbagai bidang antara UNISSA dengan Universiti al-Azhar.

Sebelum ini, di bawah permeteraian Memorandum Persefahaman, Universiti al-Azhar telah menghantar tiga orang pakar dalam jawatan profesor dan penolong profesor untuk berkhidmat di UNISSA secara berkontrak.

Universiti al-Azhar juga bersedia membantu memperkasa Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, UNISSA dalam pelbagai aspek yang diperlukan.

Sepanjang berada di Republik Arab Mesir, delegasi UNISSA juga telah mengadakan kunjungan hormat dan perbincangan dengan Timbalan Syeikh al-Azhar, Dr. Abbas Abdullah Abbas Shuman, Setiausaha Agung Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah, Profesor Dr. Muhyiddin Afifi Ahmad, Setiausaha Agung Rabithah al-Jami'at al-Islamiyyah (Islamic Universities League), Timbalan-Timbalan Presiden Rabithah Antarabangsa Alumni al-Azhar dan lain-lain Pengurusan Tertinggi Universiti al-Azhar.

Sepanjang lawatan, rombongan diiringi oleh Pegawai Atachi Pelajaran dan Kebudayaan, Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Kaherah, Awang Haji Hisham bin Haji Maidin dan Pegawai-Pegawai Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Kaherah, Republik Arab Mesir.

Universiti al-Azhar yang didirikan pada tahun 970 atau 972 Masihi adalah antara universiti yang tertua di dunia. Universiti ini merupakan salah satu pusat pendidikan yang terkemuka dalam pengajian ugama Islam menurut fahaman Ahli Sunnah Waljamaah.



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kiri) menyerahkan cenderamata kepada Presiden Universiti al-Azhar, Profesor Dr. Ibrahim Salah Hudhud (kanan) di Universiti al-Azhar, Kaherah, Republik Arab Mesir sejourus mengadakan perbincangan.

Negara menerima rombongan belia Republik Korea



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kiri) menerima kunjungan dan beramah mesra bersama para belia Republik Korea yang menyertai Program Pertukaran Belia Dua Hala. Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Won Myung (dua, kiri).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mei. - Hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea semakin terjalin erat dan kukuh dengan adanya Program Pertukaran Belia Dua Hala yang telah ditandatangani

di bawah Perjanjian Persefahaman kedua-dua buah negara sejak tahun 2009.

Berikutan rombongan belia negara telah berkunjung ke republik tersebut pada 20 - 29 April lalu, kini Negara Brunei Darussalam menerima delegasi seramai 10 orang belia dari Republik Korea yang akan berada di negara ini selama 10 hari bermula 10 Mei.

Sehubungan itu, bagi meraikan kunjungan rombongan tersebut, Majlis Resepsi diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Won Myung; Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Ketua rombongan, Park Jin Young ketika ditemui berkata, mereka berkunjung ke Negara Brunei Darussalam ini agar dapat menimba pengalaman dan mengetahui sedikit sebanyak kebudayaan dan tempat-tempat menarik di negara ini.

Pegawai dari Ministry of Gender, Equality and Family itu menyatakan segala pengetahuan daripada program ini setentunya akan dapat dikongsi bersama rakan-rakan lain, serta rakyat di negaranya mengenai keindahan dan kebudayaan di Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang program berlangsung, rombongan berkesempatan membuat lawatan ke beberapa tempat menarik di negara ini serta berpeluang beramah mesra menerusi *homestay* bersama keluarga angkat selama dua hari.

Program seumpama ini diharap dapat meningkatkan persefahaman dan kepercayaan kedua-dua buah negara disamping itu para belia kedua-dua pihak akan memperoleh manfaat baik dari segi persefahaman budaya, ekonomi sosial dan sebagainya.

JPMC - Sengenics Brunei meterai persefahaman

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan Jerudong Park Medical Centre

JERUDONG, Rabu, 11 Mei. - Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC) baru-baru ini telah menubuhkan hubungan kerjasama dengan Sengenics Brunei Sendirian Berhad.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara kedua-dua belah pihak telah diadakan di Bilik CME, JPMC, di sini.

Hadir menandatangani bagi pihak JPMC ialah Ahli Lembaga Pengarah JPMC, Abdul Latiff bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Md. Yusof dan Sengenics Brunei Sendirian Berhad pula diwakili oleh Pengarah Komersialnya, Johan Poole-Johnson.

Majlis Penandatanganan tersebut turut disaksikan oleh Pengarah Perubatan JPMC, Dato Paduka Dr. Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dan Dr. Arif Anwar dari Sengenics Brunei Sendirian Berhad.

Majlis Penandatanganan ini antara lain bertujuan untuk menjadi yang pertama dalam menyediakan rawatan In-Vitro Fertilisation (IVF) dengan

bantuan Pemeriksaan Praimplantasi Genetik (Preimplantation Genetic Screening) di Negara Brunei Darussalam.

Melalui Memorandum Persefahaman ini juga, kedua-dua organisasi akan membantu memberi sokongan kepada pasangan yang mempunyai masalah dengan kehamilan dengan rawatan yang boleh membantu meningkatkan peluang kadar kejayaan kehamilan melalui IVF sekali gus boleh mengurangkan kadar keguguran.

Pengarah Perubatan JPMC, Dato Paduka Dr. Haji Md. Isham dalam ucapan ringkasnya berkata, JPMC sangat gembira untuk bekerjasama dengan Sengenics Brunei Sendirian Berhad kerana kerjasama seumpama ini adalah merupakan yang pertama untuk memudahkan pemeriksaan genetik berserta dengan rawatan IVF di Brunei Darussalam.

Ini jelasnya, akan meningkatkan kadar kejayaan rawatan kesuburan In-Vitro dari 30 peratus kepada 90 peratus.



AHLI Lembaga Pengarah JPMC, Abdul Latiff bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Md. Yusof (kanan) dan Sengenics Brunei Sendirian Berhad pula diwakili oleh Pengarah Komersialnya, Johan Poole-Johnson (kiri) bertukar-tukar dokumen setelah Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman.

Pek Awal Literasi pupuk budaya membaca

Siaran Akhbar : Dewan Bahasa dan Pustaka

BERIBI, Rabu, 11 Mei. - Program Awal Literasi adalah salah satu program yang bakal melahirkan masyarakat intelek dan berwawasan, berpengetahuan dan mantap dari segi akhlak keperibadian serta berbudaya murni yang akan dapat membangun negara yang celik ilmu pengetahuan.

Program ini diunkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Bahagian Perpustakaan dengan kerjasama agensi kerajaan lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Seramai 427 anak damit telah dijemput menghadiri Majlis Penyampaian Pek Awal Literasi yang diadakan di Dewan Sejahtera 2, Sumbangsih Bahagia, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, isteri Yang Berhormat Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Majlis juga dimeriahkan dengan persembahan sketsa dan nyanyian lagu tema Program Awal Literasi berjudul 'bacalah' yang disampaikan oleh Dayang Syafiqah binti Rosli bersama Kumpulan Kuntum Bersemi.

Anak damit yang hadir pada majlis tersebut menerima pek yang mengandungi beberapa buah buku seperti buku huruf 'ABC', buku kira-kira dan buku panduan yang diberikan kepada ibu bapa untuk menolong mereka sedikit sebanyak menambah pengetahuan yang berguna ketika membesarkan anak masing-masing.

Dengan pek yang diberi kepada kesemua ibu bapa yang hadir akan digunakan sepenuhnya untuk meningkatkan pengetahuan anak supaya menjadi lebih celik dan dapat menanamkan budaya membaca serta

memberi pendedahan awal kepada anak-anak damit cara memilih bahan bacaan.

Adapun tujuan Program Awal Literasi ini diadakan adalah untuk menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, tentang kepentingan kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira dalam melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu, bermaklumat, berpengetahuan, berkualiti dan berdaya saing.

Program ini juga bertujuan untuk membuka minda dan menimbulkan kesedaran ibu bapa, tentang kepentingan membaca sejak kanak-kanak tersebut dilahirkan termasuk ahli keluarganya yang lain dan sama-sama mengangkat peranan institusi keluarga dalam memperkasa budaya membaca sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan.

Percubaan terjun bangunan dapat ditangani

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mei. - Kira-kira jam 2.00 petang seorang wanita didapati duduk di luar jendela Tingkat 1, Bahagian Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sambil bercakap dan berteriak.

Pihak pentadbiran telah bertindak dengan serta-merta dan tidak lama selepas itu pihak Bomba dan Penyelamat dan Pasukan Polis Diraja Brunei tiba di tempat kejadian bagi mengawal keadaan dan bersedia bagi menyelamatkan wanita tersebut.

Seorang konsultan psikiatri, seorang psikologis klinikal dan beberapa orang doktor, jururawat serta paramedik juga berada di tempat kejadian bagi menangani keadaan wanita tersebut.

Wanita tersebut telah diselamatkan oleh beberapa orang ahli bomba tanpa kecederaan dan seterusnya diberi rawatan untuk menenangkannya.

Beliau kemudiannya telah dibawa ke Unit Kesejahteraan Jiwa untuk rawatan selanjutnya.

Orang ramai dinasihatkan untuk tidak turut menyebarkan perkara ini melalui media sosial seperti WhatsApp dan Facebook bagi menjaga dan menghormati keperibadian wanita berkenaan serta mengelakkan dari kekeliruan umum.

Musabqah Al-Quran semarak Sambutan Israk Mikraj Kementerian Pembangunan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin (kiri) menyampaikan hadiah dan sijil Musabqah Tilawah Al-Quran Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena Israk dan Mikraj Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi kepada johan qari, iaitu Awang Haji Eddy Huzaimi bin Haji Mat Yassin dari Jabatan Perkhidmatan Bangunan JKR.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mei. - Awang Haji Eddy Huzaimi bin Haji Mat Yassin dari Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Dayang Ratinah binti Haji Hidup dari Jabatan Ukur masing-masing muncul johan qari dan qariah Majlis Musabqah Tilawah Al-Quran Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena Israk dan Mikraj Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi.

Naib johan qari dan qariah disandang oleh Awang Mohammad Yusrin bin Daud dari Jabatan Ukur dan

Dayang Rosnani binti Haji Mohiddin dari Jabatan Perkhidmatan Bangunan, JKR, sementara Awang Mohammad Isham Mudin bin Haji Maidin dari Jabatan Perkhidmatan Teknikal, JKR dan Dayang Soffina binti Ali Hassan dari Jabatan Mekanikal dan Elektrik, JKR mendapat tempat ketiga.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang musabqah yang berlangsung



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah (depan, tengah) selaku tetamu kehormat Majlis Musabqah Tilawah Al-Quran Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1437 Hijrah bersamaan 2016 Masihi. Turut hadir bersama Timbalan Menteri Pembangunan, Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan.

di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Ujian Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan, Berakas.

Majlis turut diserikan dengan ceramah keagamaan yang berkisar mengenai 'Solat Kesempurnaan Dunia Akhirat' oleh graduan Ijazah Sarjana dari Universiti Kaherah, Cairo, Mesir, Awang Hilman bin Haji Salim yang antara lain menyentuh tentang bagaimana solat yang kita lakukan itu mampu menjamin kesempurnaan kehidupan kita di dunia mahupun di akhirat.

Majlis anjuran Kementerian Pembangunan yang dikelolakan bersama oleh Jabatan Saliran dan

Pembetulan dan Jabatan Mekanikal dan Elektrik, JKR tersebut adalah untuk menggalakkan para peserta supaya akan terus mempelajari dan menguasai bacaan Al-Quran.

Selain itu, ia juga untuk menggalakkan mereka untuk sentiasa mengamalkan membaca Al-Quran supaya menjadi amalan harian dan beroleh berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping menambah keyakinan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato

Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Ketua Pengarah Kerja Raya, Chua Pheng Keong; pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bengkel program BTEC 'Bersedia untuk Mengajar'

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mei. - Seramai 20 guru program Hospitaliti Antarabangsa Level 2 BTEC dari 13 buah sekolah menengah kerajaan mengambil bahagian dalam bengkel sehari 'Bersedia untuk Mengajar' yang dianjurkan oleh Pearson (UK) Education Limited dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, di Radisson Hotel.

Bengkel ini adalah yang kedua seumpamanya sejak pelaksanaan program BTEC pada tahun 2011.

Bengkel sehari ini mengkaji struktur program Perniagaan BTEC yang dilakukan setakat ini di sekolah-sekolah menengah, melihat pada kaedah penilaian dan bahan penilaian sampel, mengkaji jaminan kualiti dan model penggredan serta memberikan peluang untuk bertanya soalan-soalan khusus kepada pakar program Hospitaliti BTEC dari Pendidikan Pearson (UK), Dr. Michael Coram yang merupakan 'Standards Verifier' dan 'Lead Examiner' bagi program-program dalam pelbagai sektor hospitaliti.

Sebagai seorang Quality Management Reviewer dan International Centre Approval Officer, Dr. Michael Coram bekerjasama dengan Pusat BTEC Pearson untuk memberikan pendidikan dan latihan kelas pertama di Asia, Asia Tenggara, Timur Tengah, Caribbean, India dan Afrika.

Dr. Michael Coram bersedia untuk bekerjasama dengan guru-guru di Negara Brunei Darussalam dengan penglibatan bersama serta berkongsi kepakaran beliau untuk membantu pembangunan berterusan mereka.

"Guru-guru memainkan peranan penting dalam menyediakan penilaian berkualiti sebagai sebahagian dari proses pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar-pelajar kita."

"Ia adalah penting bagi guru-guru memberi tumpuan pada kursus BTEC berasaskan fakta dengan berintegriti, iaitu guru perlu sentiasa ingat bahawa apabila mereka merancang pengajaran atau ringkasan tugas mereka, mereka perlu menumpukan kepentingan pelajar. Para guru dan pelajar perlu tahu di mana dan ke mana hala tuju mereka dan bagaimana mereka mencapainya dengan menggunakan penilaian penggredan grid BTEC sebagai panduan yang berguna."

Menurut Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek Bujang menjelaskan, program BTEC adalah kursus yang berorientasikan dan berdasarkan portfolio pelajar secara individu.

Dayang Marina menyatakan bahawa penilaian penggredan grid untuk program BTEC akan membantu untuk menggalakkan pembelajaran lebih produktif dan membolehkan para pelajar untuk memupuk kemahiran pembelajaran sesuai dengan bakat dan

kadar pembelajaran mereka.

Oleh itu, penganugerahan sijil bagi program BTEC adalah satu proses berterusan yang bergantung pada kemajuan dan penyelesaian kerja kursus oleh pelajar secara individu.

Program BTEC telah dilaksanakan sejak lima tahun lalu melalui Sistem SPN21 pada Tahun 10.

Pada masa ini, Cohort 6 Level 1 dengan 519 pelajar baru sahaja mendaftar pada Januari lalu.

Walaupun ia masih terlalu awal untuk membuat sebarang keputusan muktamad, program telah berjalan dengan lancar dan guru-guru serta ibu bapa telah menunjukkan kesedaran, pemahaman dan penerimaan terhadap pelbagai penyaluran program pendidikan diperkenalkan melalui Sistem SPN21 itu.

Pada masa ini, terdapat 30 sekolah menengah kerajaan di seluruh Brunei menawarkan antara satu hingga dua program BTEC di pelbagai peringkat secara serentak dalam satu kohort.

Program Hospitaliti, ditawarkan di 13 buah sekolah pada tahap yang berbeza dari Level 1 Pengenalan pada Diploma Level 2, dengan sejumlah 273 pelajar di bawah pengawasan 22 guru.

BTECs adalah kelayakan berasaskan kerjaya melalui Pearson (UK) Education Limited, direka untuk memberikan pelajar kemahiran yang diperlukan untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat tinggi atau memasuki alam pekerjaan.

BTECs mempunyai tahap berbeza, dari Tahap Permulaan (Pembelajaran



SERAMAI 20 guru program Hospitaliti Antarabangsa Level 2 BTEC dari 13 buah sekolah menengah kerajaan mengambil bahagian dalam bengkel sehari 'Bersedia untuk Mengajar' yang dianjurkan oleh Pearson (UK) Education Limited dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Asas) hingga ke tahap profesional, Level 7 (setara dengan ijazah lanjutan).

Pada masa ini, hanya Diploma Level 1 hingga 2 ditawarkan di sekolah menengah kerajaan.

Setakat ini, kira-kira 2,000 pelajar telah berjaya menamatkan Program Lanjutan BTEC Level 2 dalam program-program Art & Design, Pentadbiran Perniagaan, IT, Hospitaliti dan Sukan.

Sebahagian daripada pelajar juga melanjutkan pelajaran ke IBTE atau institusi swasta atau direkrut ke dalam

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau bekerja.

Manakala sebahagian pelajar yang mengikuti program BTEC, berkongsi kemahiran yang mereka pelajari, seperti program Perniagaan dalam perkeranian.

Ini adalah salah satu dari tiga bengkel Program BTEC Level 2.

Bengkel Program BTEC Perniagaan dan Art & Design telah dilaksanakan pada 4 Mei dan 9 Mei 2016 masing-masing disampaikan oleh Dr. Tom Frost dan Encik Harper dari Pearson.



Takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala

Dalam hubungan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah tanggungjawab terhadap kehidupan beragama. Jika tanggungjawab itu diabaikan seperti meninggalkan ibadat sembahyang, melakukan pergaulan bebas, pendedahan aurat dan sebagainya tentulah berakibat buruk. Kesemua itu adalah disebabkan kurangnya rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Memandangkan rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah suatu yang sangat penting dalam kehidupan kita maka sudah seharusnya kita menyemai dan menanamkan rasa takut itu ke dalam jiwa dan perasaan kita. Namun bagaimanakah caranya untuk kita menimbulkan perasaan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu? Terdapat beberapa cara yang boleh kita lakukan untuk berbuat demikian, antaranya ialah :

Pertama : Mengambil iktibar daripada kisah-kisah yang telah diceritakan dalam Al-Quran dan Al-Hadis tentang perbuatan-perbuatan yang mendatangkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala yang dilakukan oleh orang-orang terdahulu yang ingkar dan tidak patuh kepada perintah-Nya, baik yang di terima semasa di dunia mahupun ketika di akhirat kelak. Antaranya sebagaimana diceritakan dalam Surah Al-Ankabut ayat 39 - 40, tafsirnya :

"Dan demikian juga kami telah membinasakan Karun dan Firaun serta Haman, dan demi sesungguhnya Nabi Musa telah datang kepada mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata (mukjizat) tetapi mereka menyombongkan diri di bumi dan mereka tidaklah terlepas daripada kebinasaan itu. Maka masing-masing mereka itu kami binasakan disebabkan dosa mereka. Maka antara mereka ada yang kami hantarkan angin rebut yang mengandung batu-batu kecil yang membinasakan, dan antara mereka ada yang dibinasakan oleh satu tempikan suara yang kuat, dan antara mereka ada yang kami benamkan ke dalam bumi, dan antara mereka mereka ada yang kami tenggelamkan. Dan Allah sekali-kali tidak menganiaya mereka tetapi merekalah yang menganiaya diri mereka sendiri."

Kedua : Untuk menimbulkan perasaan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kita

"DARI Abu Hurairah Radhiallahuanhu, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda : Api mu yang kamu semua menyalakan di dunia ini adalah satu bahagian dari 70 bahagian panasnya neraka jahanam. Para sahabat berkata : demi Allah, api di dunia ini saja sudah amat panas YA Rasulullah, Baginda lalu bersabda : memang, api neraka itu masih lebih panas lagi dengan 69 kali bahagian panasnya, setiap bahagian sama suhu panasnya dengan api dunia ini."

Selain merasa bahang panas dan azab seksa neraka jahanam yang sangat dahsyat itu, orang-orang yang ingkar dan berdosa itu juga akan berada di dalamnya dalam jangka waktu yang berabad-abad lamanya, bahkan ada pula yang kekal di dalamnya.

hendaklah menyedari dan membayangkan betapa seksa dan pedihnya azab Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat sehingga tidak dapat digambarkan betapa dahsyatnya derita yang akan ditanggung kelak. Salah satu gambaran yang pernah disabdakan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tentang betapa dahsyatnya seksa neraka adalah perbandingan panasnya api dunia dengan api di akhirat.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis riwayat Al-imam At-Termizi yang maksudnya :

"Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda : Api mu yang kamu semua menyalakan di dunia ini adalah satu bahagian dari 70 bahagian panasnya neraka jahanam. Para sahabat berkata : demi Allah, api di dunia ini saja sudah amat panas YA Rasulullah, Baginda lalu bersabda : memang, api neraka itu masih lebih panas lagi dengan 69 kali bahagian panasnya, setiap bahagian sama suhu panasnya dengan api dunia ini."

Selain merasa bahang panas dan azab seksa neraka jahanam yang sangat dahsyat itu, orang-orang yang ingkar dan berdosa itu juga akan berada di dalamnya dalam jangka waktu yang berabad-abad lamanya, bahkan ada pula yang kekal di dalamnya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Naba' ayat 21 - 28 yang tafsirnya :

"Sesungguhnya neraka jahanam adalah tempat memerhati bagi penjaga neraka. Tempat kembali bagi orang-orang yang melampaui batas. Mereka tinggal di sana selama-lamanya. Mereka tidak akan merasai udara sejuk di dalamnya dan tidak pula ada minuman. Kecuali air panas yang mendidih dan danur yang mengalir. Sebagai balasan yang setimpal dengan perbuatan buruk mereka. Kerana sesungguhnya mereka dahulu tidak takutkan hisab. Dan mereka telah

mendustakan ayat-ayat keterangan kami dengan sebenar-benarnya."

Jika kita berperasaan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada diri kita sudah tentu akan menggerakkan hati kita untuk berbuat kebaikan. Mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menolak segala kejahatan, dan bertaubat memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita sedar bahawa azab dan seksa Allah Subhanahu Wata'ala itu amat pedih. Dengan itu jika akan berbuat kejahatan pun seperti mencuri, berzina, menipu dalam perniagaan, tidak jujur dalam pekerjaan dan sebagainya, kita akan berfikir panjang, tidak mudah atau segera melakukan kejahatan-kejahatan itu. Dan perasaan takut itu akan mendorong kita menghindarinya. Dan juga terlanjur mengikut hawa nafsu berbuat jahat maka kita segera bertaubat, menyesali keterlanjuran itu. Kerana kita percaya Allah Subhanahu Wata'ala melihat apa jua yang kita lakukan dan percaya setiap perbuatan dosa dan maksiat akan mendapat azab seksa dari Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Insan ayat 10 - 11, tafsirnya :

"Sesungguhnya kami takut akan azab tuhan kami pada hari orang berwajah masam penuh kesukaran. Maka Allah menyelamatkan daripada kesengsaraan hari itu dan mengurniakan mereka keceriaan dan kegembiraan."

Dan seterusnya kita juga percaya sambil berharap akan mendapat keampunan serta pahala dengan dengan menaruh perasaan takutkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap keadaan dan tempat.

Surah Al-Mulk ayat 12, tafsirnya :
"Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada tuhan walaupun mereka tidak melihatnya, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar."

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan manusia itu adalah untuk mengabdikan diri kepada-Nya dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Sebagai seorang hamba Allah kita hendaklah memiliki rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di dalam Al-Quran terdapat banyak ayat menyebutkan tentang takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, contohnya firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 39 yang tafsirnya :

"Nabi-nabi yang terdahulu itu ialah orang-orang yang menyampaikan risalah-risalah (syariat) Allah dan mereka takut kepada-Nya dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan hanya kepada Allah. Dan cukuplah Allah sebagai pengawas."

Dari ayat tersebut jelas menunjukkan betapa kita wajib berperasaan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan memiliki rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kita akan memperolehi keberuntungan yang besar apabila mematuhi perintah dan menjauhi larangan-Nya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Nur ayat 52 yang tafsirnya :

"Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, dan takut kepada Allah, serta bertakwa kepada-Nya maka mereka itulah orang yang mendapat kejayaan."

"SESUNGGUHNYA neraka jahanam adalah tempat memerhati bagi penjaga neraka. Tempat kembali bagi orang-orang yang melampaui batas. Mereka tinggal di sana selama-lamanya. Mereka tidak akan merasai udara sejuk di dalamnya dan tidak pula ada minuman. Kecuali air panas yang mendidih dan danur yang mengalir. Sebagai balasan yang setimpal dengan perbuatan buruk mereka. Kerana sesungguhnya mereka dahulu tidak takutkan hisab. Dan mereka telah mendustakan ayat-ayat keterangan kami dengan sebenar-benarnya."

Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM dinanti-nantikan



BUAH kurma atau *tamar* memang menjadi pilihan utama umat Islam sebagai juadah berbuka puasa di bulan Ramadan berikutan dengan khasiat yang tersembunyi pada buah Kurma menurut Islam dan Sains.

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Sahrizal Haji Said,
Syahi Haji Ludin

SIFAT dermawan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dapat dilihat antaranya menjelang bulan Ramadan dengan kemurahan hati baginda mengurniakan kurma.

Seperti lazimnya di tahun-tahun yang sudah, pada tahun ini rakyat dan penduduk di Negara Brunei

Darussalam sentiasa menanti-nantikan pembahagian kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bukan sahaja dinantikan oleh rakyat dan penduduk dalam negara ini bahkan juga penuntut-penuntut yang belajar dan mereka yang bekerja di luar negara. Sudah setentunya mereka ini menantikan kiriman buah Kurma Kurnia Peribadi daripada keluarga masing-masing di Brunei. Kurnia Peribadi tersebut sudah begitu sinonim dan sentiasa segar dalam sanubari setiap umat Islam negara

ini bila menjelang bulan Ramadan dan dihasratkan sebagai juadah berbuka puasa tanpa mengira had umur dan taraf kerakyatan mereka. Ini bermakna setiap umat Islam menerima satu (1) kotak kecil kurma yang mengandungi 300 gram.

Ke arah pelaksanaan tersebut, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sebagai sebuah organisasi yang mengendalikannya amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia terlibat sepenuhnya dalam pengurusan pembelian buah Kurma Kurnia Peribadi baginda sementara pengagihannya dilaksanakan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan yang berkenaan. Projek khas ini merupakan projek tahunan yang dilaksanakan oleh YSHHB sejak tahun 1415H / 1995M.

Menurut YSHHB, tahun ini, sejumlah 154 ton metrik bersamaan dengan 513,333 kotak buah kurma jenis Safawy dibekalkan oleh Al-Madinah Dates Company, sebuah syarikat dari Arab Saudi. Buah-buah kurma dan dibawa ke negara ini dengan menggunakan kapal laut dan dimuatkan dalam kontena berhawa dingin (*chilled container*) bagi memastikan kesegaran buah kurma berkenaan.

Bermula pada tahun 2003, sistem pembahagian dilaksanakan dengan mengadakan Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

PENGAGIHAN

Selepas sahaja Majlis Pelancaran Pengagihan, Buah Kurma Kurnia Kebawah DYMM mula dibahagi-bahagikan kepada orang ramai dan pembahagiannya diserahkan kepada Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung di seluruh negara melalui Jabatan Daerah masing-masing. Bagi anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), buah Kurma Kurnia diserahkan kepada Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera dan Komandan-Komandan Unit di Kementerian Pertahanan. Manakala bagi pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), buah Kurma Kurnia tersebut diserahkan kepada Pengarah-Pengarah di Fomasi-Fomasi pasukan PDB.

Adalah diharapkan semua Ketua Kampung di seluruh negara dan mereka yang berkenaan yang telah dipertanggungjawabkan bagi mengagih-agihkan buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM ini dapat menggunakan kebijaksanaan mereka masing-masing supaya buah kurma kurnia peribadi ini akan diterima dengan baik dan sempurna dan seterusnya dinikmati oleh setiap orang yang beragama Islam di negara ini sebagai menjunjung sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi, Kebawah DYMM sempena Bulan Ramadan Tahun 1434 Hijrah / 2013 Masihi :

"Janganlah terdapat kejadian di mana ada umat Islam di negara ini yang tidak menerima buah kurnia peribadi Paduka Ayahanda itu. Jika ini terjadi, bermakna kita telah gagal menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita semua dalam pengagihan buah kurma tersebut."

KHASIAT

Buah kurma atau *tamar* memang menjadi pilihan utama umat Islam sebagai juadah berbuka puasa di bulan Ramadan berikutan dengan khasiat yang tersembunyi pada buah Kurma menurut Islam dan Sains. Buah Kurma juga mempunyai khasiat yang banyak dan menjadi makanan utama Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Buah Kurma sememangnya diangkat tinggi oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana nilai kandungan makanan yang tinggi.

Justeru itu kita disunatkan untuk berbuka dengan buah kurma kerana bagi orang yang berpuasa tidak makan selama 12 jam dan buah kurma boleh memberi tenaga serta-merta kepada si pemakan dan ini memudahkan seseorang beribadat dan menunaikan sembahyang fardu dan Sunat Tarawih. Kurma juga dikatakan mempunyai pelbagai khasiat dan kegunaan yang banyak. Ini jelas disebutkan di dalam Al-Quran di mana terdapat 21 ayat menyebut tentang buah kurma dan bersandarkan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang antara lain bermaksud : "*Rumah yang tiada seperti rumah yang tidak mempunyai makanan.*" Maka di sini kita dapat lihat bahawa setiap makanan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu memiliki kelebihan dan rahsianya yang tersendiri untuk kebaikan dan kesihatan tubuh badan manusia.

MENJUNJUNG KASIH

Pengurniaan Kurma Peribadi Kebawah DYMM ini merupakan salah satu amal jariah baginda serta kaum kerabat baginda yang dihasratkan dapat dinikmati sebagai juadah berbuka puasa pada bulan yang penuh Mubarak oleh semua golongan rakyat dan penduduk Islam di negara ini. Ini jelas membuktikan sifat pemedulian dan tanda kasih baginda kepada kita.

Justeru itu adalah wajar bagi seluruh umat Islam di negara ini menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kurnia ini dan merafakkan doa semoga sentiasa berada di bawah pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat sejahtera dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam di bawah petunjuk dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua.



Pemandu jentera berat anak tempatan meningkat



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof (dua, kiri) selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Pelatih Kursus (Singkat) Pemandu Jentera Berat Kali Ke-5 Pusat Pembangunan Belia (PPB) dan Megamas Training Company Sendirian Berhad.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Selasa, 10 Mei. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof berkata, walaupun jumlah penglibatan golongan belia di dalam bidang pekerjaan dilihat masih kecil, akan tetapi jumlah

pemandu-pemandu jentera berat dari kalangan anak tempatan semakin meningkat dan menggalakkan.

Ini jelas Yang Berhormat, menunjukkan golongan belia sekarang sudah menerima jenis pekerjaan atau kerjaya seumpama itu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan perkara itu semasa

berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Pelatih Kursus (Singkat) Pemandu Jentera Berat Ke-5 Pusat Pembangunan Belia (PPB) dan Megamas Training Company Sendirian Berhad yang berlangsung di Tol 3593, Simpang 26, Jalan Mumong, di sini.

Tambah Yang Berhormat lagi, usaha sama dalam perancangan dan pelaksanaan tenaga kerja sebegitu akan dapat menambah keberkesanan usaha-usaha pihak kerajaan dalam mengurangkan pengangguran dan secara tidak langsung membasmi masalah kemiskinan dengan melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, kemahiran yang dimaksudkan bukan sahaja merangkumi keperluan tenaga kerja dalam industri minyak dan gas, tetapi juga amat diperlukan seperti di bidang industri pembinaan, pelancongan dan pengurusan hospitaliti.

Justeru itu, Yang Berhormat menyarankan khusus pada para belia untuk menghargai sesuatu pekerjaan sebagai kerjaya dan hendaklah dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab dan amanah, disiplin, menghormati majikan serta rakan-rakan sekerja juga sentiasa mematuhi arahan dan peraturan yang telah ditetapkan.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta

kursus yang telah berjaya menamatkan kursus berkenaan.

Seramai 23 belia terpilih untuk mengikuti Kursus Pemandu Jentera Berat Ke-5 yang diungkayahkan melalui dua bahagian dengan mengikuti latihan kemahiran di PPB selama dua dan tiga bulan dalam Program Penempatan Jentera Berat.

Para peserta telah diberikan latihan pemanduan pelbagai jenis kenderaan berat secara intensif sehingga berjaya mendapatkan lesen memandu Kelas 2, 4, 5, 6 dan 11; kelas-kelas lesen memandu itu sangat diperlukan oleh kebanyakan syarikat yang melibatkan operasi jentera berat.

Peserta kursus juga dilengkapi dengan pelbagai kemahiran lain, antaranya 'Defensive Driving'; 'Bus Driver Training'; 'Lorry Mounted HIB' dan 'Basic HSE Awareness'.

Kesemua jenis latihan yang mereka ikuti itu mendapat pengiktirafan 'The Royal Society for the Prevention of Accidents' (ROSPA) dan St. John Ambulance Australia.

Majlis juga diselenggarakan dengan Penyampaian Anugerah Individu Berbakat Kursus Pemandu Jentera Berat Ke-5.

Acara diteruskan dengan Majlis Penandatanganan Kontrak Pekerjaan di antara lepasan-lepasan kursus dengan syarikat-syarikat pengusaha jentera berat yang bersedia menawarkan pekerjaan kepada lepasan peserta kursus berkenaan.

Dalam kesempatan ini, Pelita

Brunei menemu bual peserta yang menyertai kursus berkenaan.

Awang Mohd. Dinie bin Awang Zaidin menjelaskan, "Kecemerlangan ini adalah hasil dari sokongan daripada kedua ibu bapa saya yang memberi rasa kepercayaan bahawa saya boleh melakukannya, selain mereka, kawan-kawan juga memberi galakan dan inspirasi untuk kejayaan ini."

Beliau telah menunjukkan pencapaian dan prestasi yang cemerlang sepanjang kursus dijalankan.

Sementara itu, salah seorang peserta wanita tunggal, Dayang Hajah Nurhafizah binti Haji Awang Yusof memberitahu keterlibatan beliau disokong kuat oleh ibu bapanya selain memang meminati kenderaan jenis berat.

"Antara aktiviti yang begitu mencabar semangat saya adalah apabila dihantar untuk berkursus ke Kuala Belalong, namun melalui dari latihan yang sangat-sangat strategik dan mantap membuat diri saya semakin yakin," jelas beliau.

Manakala, ibunya Dayang Hajah Julia binti Abdullah, 63, berasa bangga dengan pencapaian anaknya itu.

Antara yang turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin; Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman dan pegawai-pegawai serta kakitangan Megamas Training Company Sdn. Bhd.

Bantu ringankan beban golongan memerlukan

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



PENASIHAT Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammed Bolkiah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar (kiri) semasa menyampaikan sumbangan kepada penerima fakir miskin.

SERUSOP, Selasa, 10 Mei. - Agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk menjaga hubungan baik di antara satu dengan yang lain bagi menjadikan umat Islam sebagai umat kuat dan bersatu padu.

Antara kaedah yang disarankan adalah dengan bersedekah bagi membantu meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan serta memerlukan.

Sehubungan itu, satu Majlis Penyampaian Sumbangan Sedekah kepada Asnaf Fakir Miskin dan Anak-Anak Yatim telah diadakan di Masjid Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammed Bolkiah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Awang Md. Amin bin Haji Salim

dan kemudiannya diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Imam Masjid Mohammed Bolkiah, Awang Haji Muslim bin Haji Abdul Razak, selaku Pengerusi Majlis.

Pada majlis tersebut, penyampaian sumbangan sedekah kepada 71 penerima terdiri daripada 17 penerima golongan asnaf fakir miskin dan 54 anak-anak yatim disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Sumbangan sedekah berupa wang dan barangan keperluan harian berkenaan merupakan hasil sumbangan daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammed Bolkiah, Ahli Jawatankuasa Muslimah Masjid Mohammed Bolkiah dan orang ramai.

Juga hadir pada majlis berkenaan ialah Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammed Bolkiah dan penduduk-penduduk kawasan sekitar.

Penerima Pingat Kehormatan menjunjung kasih

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mei. - Para penerima Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan pingat kehormatan tersebut pada majlis yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kencana, Istana Nurul Iman, di sini.

Salah seorang penerima Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.), Awang Md. Fadillah bin Haji Sarudin, ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei berkata, beliau berasa sangat gembira serta melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan tersebut.

Dengan pengurniaan pingat kehormatan itu, jelasnya, merupakan satu pengiktirafan yang amat berharga bagi beliau pada sepanjang 33 tahun berkhidmat dengan kerajaan yang mana sekali gus akan menambahkan lagi semangat beliau untuk berusaha

dengan lebih gigih serta berazam untuk mempertingkatkan lagi produktiviti, kredibiliti, kreativiti, iltizam dan disiplin dalam pekerjaannya sebagai Pembagi Buku Pemasaran di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pengurniaan pingat P.J.K. ini merupakan penerimaan pingat kehormatan kali ketiga sejak beliau mula berkhidmat di sektor kerajaan sejak tahun 1983, di mana terdahulu beliau pernah dikurniakan Pingat Kehormatan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) dan Pingat Kerja Lama (P.K.L).

Sementara itu, menurut Awang Abu Bakar bin Ali Ahmad yang bertugas di Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Tumasek, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM kerana ini merupakan kali pertama beliau menerima pengurniaan Pingat Kehormatan P.I.K.B.

Beliau yang sudah berkhidmat selama 32 tahun sejak tahun 1984 berasa sangat gembira di atas pengurniaan ini dan sangat menghargai pengiktirafan kerajaan khususnya JBP kerana memberikan penghormatan tersebut kepadanya.

Di samping itu, beliau juga turut

menyatakan hasrat dan azam untuk akan sentiasa terus berusaha mempertingkatkan lagi prestasi kerja, komitmen, kualiti dan disiplin kerja agar sentiasa titih serta lutan dalam menjalankan juga melaksanakan sebarang tugas yang diberikan oleh ketua dan pegawai atasan serta jangan sesekali mengeluh malah jadikan tugas tersebut sebagai satu cabaran dalam profesi kerjaya selaku pegawai beruniform.

Dalam pada itu, Pengiran Hajah Ratna Sari binti Pengiran Dato Haji Hamzad seorang penerima pingat kehormatan P.I.K.B menyatakan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM kerana diberikan penghormatan tersebut bagi pengiktirafan beliau yang berkhidmat dengan kerajaan selama lebih daripada 27 tahun.

Beliau yang bertugas di Jabatan Oftalmologi, Kementerian Kesihatan menjelaskan bahawa untuk mencapai kejayaan dan mendapat pengiktirafan kerja baik, perlulah menanamkan azam untuk lebih komited, rajin, tekun, produktif sebagai seorang penjawat awam dan sentiasa bekerja dengan penuh disiplin, ikhlas, jujur serta amanah dalam melaksanakan tugas juga tanggungjawab yang diamanahkan oleh Kerajaan Kebawah DYMM.



AWANG Md. Fadillah bin Haji Sarudin.



PENGIRAN Hajah Ratna Sari binti Pengiran Dato Haji Hamzad.



AWANG Abu Bakar bin Ali Ahmad.

Sembahyang rapatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



CERAMAH Israk Mikraj disampaikan oleh Penceramah Undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Hafidzuddin bin Pengiran Bakar.

BERAKAS, Isnin, 9 Mei. - Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya memeriahkan lagi Sambutan Israk Mikraj pada majlis yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Guru Ugama Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Haji Kamis bin Haji Damit.

Ceramah Israk Mikraj bertajuk 'Sembahyang Kunci Syurga' disampaikan oleh Penceramah Undangan Pusat dari Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Pengiran Hafidzuddin bin Pengiran Bakar.

Beliau antara lain menjelaskan tentang peristiwa Israk Mikraj yang merupakan antara peristiwa besar dan penting di dalam sejarah Islam kerana pada peristiwa ini perintah menunaikan solat lima waktu telah disyariatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurutnya, waktu sembahyang pada awalnya disyariatkan sebanyak 50 waktu telah dikurangkan menjadi lima waktu sahaja atas kebijaksanaan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang menyedari akan kekurangan umat manusia.

Walau bagaimanapun katanya, masih ramai umat Islam yang masih sukar untuk melaksanakan sembahyang lima waktu.

Beliau menegaskan tentang kepentingan sembahyang dalam merapatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala seperti yang terkandung dalam Al-Quran Surah Taha, ayat 14 yang bermaksud



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi (kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Kementerian Kesihatan.

"*Sesungguhnya Akulah Allah, tiada Tuhan melainkan Aku, Oleh itu, sembahlah akan Daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Daku*".

Pusat Al-Islah terima lawatan delegasi Republik Singapura

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUTONG, Selasa, 10 Mei. - Rombongan delegasi dari Republik Singapura yang diketuai oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leo Yip melawat Pusat Al-Islah, Kampung Kupang, Tutong, di sini.

Rombongan tersebut dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah, Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Md. Jaffari bin Haji Mahadi.

Sejurus tiba di pusat berkenaan, Tuan Yang Terutama berserta delegasi dijemput untuk sesi bergambar ramai.

Tuan Yang Terutama berserta delegasi seterusnya menyaksikan kawad daripada para residen dan seterusnya memeriksa kawad berkenaan.

Lawatan diteruskan lagi ke tempat-tempat pemulihan Al-Islah



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leo Yip (tujuh, kanan) dan delegasi semasa sesi bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penjara dan para pegawai dari Jabatan Penjara.

serta bengkel-bengkel yang digunakan oleh para residen.

Sebelum selesai lawatan, TYT

dijemput untuk menandatangani buku lawatan dan seterusnya menerima cenderahati.

TYT beserta delegasi berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Dua Hala Tahunan Ke-2 di

antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang bermula pada 9 hingga 11 Mei ini.



CERAMAH sempena Sambutan Israk Mikraj dan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 disampaikan oleh Ketua Jabatan Pengajian Islam dan Melayu Islam Beraja, Politeknik Brunei (PB), Awang Haji Mohammad Jaafar bin Haji Johari.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mei. - Bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 dan Sambutan Israk Mikraj 1437 Hijrah, Politeknik Brunei (PB) tidak ketinggalan dalam mengadakan Majlis Solat Hajat bagi pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan, Bacaan

Tahlil dan Doa Selamat.

Objektif dan tujuan utama majlis tersebut diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara warga PB, di samping memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala akan perlindungan serta rahmat dan keberkatan bagi pelajar-pelajar PB.

PB sambut Hari Keluarga dan Israk Mikraj

Upacara yang diadakan di Surau PB, Jalan Ong Sum Ping telah dihadiri oleh pegawai-pegawai, pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar PB.

Peristiwa Israk Mikraj merupakan satu peristiwa yang agung serta perjalanan Israk Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidil Haram hingga ke Masjidil Aqsa serta peristiwa Mikraj Baginda ke langit, juga telah dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, yang mana kedua-dua peristiwa tersebut berlaku dalam masa yang singkat.

Umat Islam wajib percaya dengan peristiwa Israk Mikraj, iaitu satu peristiwa yang sudah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala terhadap Rasul-Nya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk memberi rahmat kepada umatnya.



SEBAHAGIAN daripada warga PB yang hadir pada majlis keagamaan yang diadakan di Surau, PB, Jalan Ong Sum Ping.



KEMENTERIAN KEWANGAN

KEMENTERIAN KEWANGAN

5. Borang tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat, tetapi hendaklah menyatakan bilangan dan tajuk tawaran projek dengan jelas (satu sampul surat bagi satu tawaran) dan hendaklah dihantar serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat :

**PETI SEBUT HARGA, TINGKAT 2
JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
SIMPANG 336-17
JALAN KEBANGSAAN
BANDAR SERI BEGAWAN, BC4415.**

6. Tawaran hendaklah sampai ke alamat seperti yang dinyatakan **tidak lewat pada Rabu, 1 Jun 2016, jam 2.00 Petang** dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh seperti yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

SYARAT-SYARAT TAWARAN

**Tawaran Penyewaan Kedai Makan
Francais Menghidangkan Makanan Segera
(Fast Food), Restoran atau Kafe,
Bangunan Pejabat Pos Mumong,
Jalan Maulana,
Singa Menter, Mumong, Kuala Belait**

**Rujukan Tawaran :
POS/T/23/JPP/2015-2016**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak seperti berikut (**tidak dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam mata wang ringgit Brunei.

**Unit yang disewakan
dan yuran tawaran**

**Bil. 1. Unit Yang Disewakan - Unit I
Yuran Tawaran : BND10.00**

**Bil. 2. Unit Yang Disewakan - Unit K
Yuran Tawaran : BND10.00**

**Bil. 3. Unit Yang Disewakan - Unit L
Yuran Tawaran : BND30.00**

3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati :
**Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**
4. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

**Tawaran Penyewaan Kedai Makan
Francais Menghidangkan Makanan Segera
(Fast Food), Restoran atau Kafe,
Bangunan Pejabat Pos Mumong,
Jalan Maulana,
Singa Menter, Mumong, Kuala Belait
Rujukan Tawaran :
POS/T/23/JPP/2015 - 2016**

Dialamatkan ke :

**PETI LEMBAGA TAWARAN KECIL
Tingkat 4, Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

6. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Selasa, 7 Jun 2016, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.

7. Tawaran-tawaran yang dihadapkan hendaklah menyatakan tempoh pembekalan dan tempoh sah harga serta menyertakan :
a. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 dan 17

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

9. Hari Informasi akan diadakan seperti berikut :

**Hari : Rabu
Tarikh : 25 Mei 2016
Jam : 10.00 Pagi
Tempat : Pejabat Pos Mumong,
Kuala Belait.**



**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

Tawaran Penyewaan Ruang-Ruang Kosong (Komersial atau Pejabat) di Pejabat Pos Mumong, Jalan Maulana, Singa Menter, Mumong, Kuala Belait

**Rujukan Tawaran :
POS/T/22/JPP/2015 - 2016**

- Bil. 1. Unit yang Disewakan - Unit B**
Bil. 2. Unit yang Disewakan - Unit E
Bil. 3. Unit yang Disewakan - Unit F
Bil. 4. Unit yang Disewakan - Unit H

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati :
**Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**
3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :
Tawaran

**Penyewaan Ruang-Ruang Kosong
(Komersial atau Pejabat)
di Pejabat Pos Mumong, Jalan Maulana
Singa Menter, Mumong, Kuala Belait
Rujukan Tawaran :
POS/T/22/JPP/2015-2016**

Dialamatkan seperti berikut :

**PETI SEBUT HARGA
Tingkat 1, Pejabat Ketua Pos Agung
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam**

5. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Selasa, 7 Jun 2016, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.
6. Tawaran-tawaran yang dihadapkan hendaklah menyatakan tempoh pembekalan dan tempoh sah harga serta menyertakan :
a. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 dan 17.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
8. Hari Informasi akan diadakan seperti berikut :
**Hari : Rabu
Tarikh : 25 Mei 2016
Jam : 10.00 Pagi
Tempat : Pejabat Pos Mumong,
Kuala Belait.**



TELEKOM BRUNEI BERHAD

TAWARAN

BIL	RUJUKAN	KETERANGAN	JUMLAH	TEMPAT
1.	FM001/2016/STR-REF	1) Perabot Office Terpakai 2) Berbagai Jenis Komponen Computer dan Transmission	1 Lot 1 Lot	STORE TELBRU SINARUBAI
2.	AN/POW001/2016/STR-REF	1) Aircon Jenis Split Unit & Window (Terpakai) 2) Carrier Chiller (Terpakai) 3) UPS – Stanby Battery (Terpakai)	56 Set 2 Unit 2 Unit	STORE TELBRU SINARUBAI
3.	HR001/2016/STR-REF	1) Kertas dan Sampul Surat 2) Machine Photocopy (Terpakai) 3) Printer (Terpakai) 4) Ring Tape (Terpakai)	108 Kotak 2 Unit 5 Unit 1 Lot	STORE TELBRU SINARUBAI
4.	TRANS001/2016/STR-REF	1) Kia Carens 2) Mitsubshi Magna Executive Wagon 3) Mitsubshi L300 Panel Van 4) Toyota Hiace Van	1 Buah 1 Buah 1 Buah 2 Buah	STORE TELBRU SINARUBAI
5.	AN/PUB-PHONE001/2016/STR-REF	1) Public Phone Unit	1 Lot	STORE TELBRU SINARUBAI
6.	AN/STOCK001/2016/STR-REF	1) Tangga Untuk Mainhole 2) Pipe PVC	1 Lot 1 Lot	STORE TELBRU SINARUBAI
7.	CMO/STOCK001/2016/STR-REF	1) Telephone Set	724 Set	STORE TELBRU SINARUBAI
8.	AN/TRANS001/2016/STR-REF	1) Radio Disc Antenna And Accessories	1 Lot	STORE TELBRU SINARUBAI

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat, pemborong-pemborong atau perseorangan yang berminat.
 2. Borang-borang tawaran boleh diperolehi dari
**Contractor Registration Unit
Supply Chain Management
Telekom Brunei Berhad Headquarters
1st Floor, Unit 1.01, Block D
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Complex
Jalan Pretty, Bandar Seri Begawan
BS8711, Brunei Darussalam.**
 3. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang tertutup rapat dan tanpa menunjukkan identiti syarikat / pemborong atau perseorangan serta ditulis bilangan tawaran dan tajuk seperti :
"SALE BY TENDER" (sila nyatakan bilangan dan keterangan)
Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga :
- The Chairman of Quotation Board
Telekom Brunei Berhad Headquarters
Unit 1.01, Block D
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Complex
Jalan Pretty, Bandar Seri Begawan
BS8711, Brunei Darussalam.**
- Tidak lewat dari RABU, iaitu 1 Jun 2016, jam 2.00 Petang.**
4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja **mulai Rabu, 27 April 2016.** Sila layari *website* Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**
3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Selasa pada 24 Mei 2016.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan).** Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu menerima bayaran :
ISNIN hingga KHAMIS
8.00 PAGI hingga 11.00 PAGI
2.00 PETANG hingga 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :
 - Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
 - Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai lesen racun yang sah *Poison Act (Cap. 114).*
 - Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.
7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL. TAWARAN : KK/57/2016 (UPP)(TC)
KETERANGAN :
THE PROVISION OF CLEANING SERVICES
FOR RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL
FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN : BND500.00

TARIKH TUTUP :
Tidak lewat jam 2.00 Petang pada 24 Mei 2016

BIL. TAWARAN : KK/58/2016 (HTD)(TC)

KETERANGAN : SUPPLY AND DELIVERY OF TONERS
FOR DEPARTMENT OF HEALTHCARE TECHNOLOGY, MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS

YURAN TAWARAN : BND30.00

TARIKH TUTUP :
Tidak lewat jam 2.00 Petang pada 24 Mei 2016

IKLAN WEBSITE PADA 27 APRIL 2016.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DI DALAM KELAS : V SAHAJA /
PEMBEKAL YANG BERDAFTAR
KATEGORI : (E01, E02 & E03 SAHAJA)
- (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
24 MEI 2016 (SELASA)

TARIKH TUTUP TAWARAN :
7 JUN 2016 (SELASA) TIDAK LEWAT
DARI JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :

JKR/DTS/11/CQS/2016-T/V (SP)

NAMA PROJEK :
BALAI PAMERAN ISLAM SULTAN
Haji Hassanal Bolkiah,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM -
SUPPLY AND INSTALLATION
OF COSTUMED LIGHT FIXTURES
NO. PROJEK : -

YURAN TAWARAN
BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah
dimasukkan ke dalam Peti Tawaran,
Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah,

Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510,
Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain
dari alamat yang dinyatakan dalam iklan
atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat
dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan
tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan
dalam sampul surat yang rapi (*sealed*)
dengan menyatakan tajuk projek yang
berkenaan tanpa menyatakan nama penawar
dan dihantar ke alamat yang dinyatakan
dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah
dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian
Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama,
Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran
yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya,
Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai
dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah
dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak,

Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan
kepada mana juga kontraktor sama ada
berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja
yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran
dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki
membawa sijil pendaftaran kontraktor
dan pembekal yang menunjukkan bahawa
pemborong adalah yang berdaftar di
Kementerian Pembangunan dalam kelas
yang ditetapkan dan dikehendaki membayar
yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan
dengan menggunakan borang-borang tawaran
yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak
akan semestinya menerima tawaran-tawaran
yang terendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO.1 :
MINDEF/DFA/RC/164 (3)
SUPPLY OF PAINT
AND ACCESSORIES
LAND FORCE AND
TRAINING INSTITUTE -
THREE (3) YEARS CONTRACT

YURAN TAWARAN :
BND100.00 (tidak dikembalikan)

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu, Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 14 Jun 2016** di Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

No. Tawaran : JPPK/LTN/03/2016
Tajuk Tawaran :

ONE YEAR TERM CONTRACT
FOR MAINTENANCE AND REPAIR
OF CATERING EQUIPMENT, MAIN
AIR CONDITIONING PLANT, RAC
AND SPLIT UNIT FOR
MILITARY ESTABLISHMENT
WITHIN TUTONG DISTRICT

BAYARAN TAWARAN :
BND50.00 (tidak dikembalikan)
Kelas : IV DAN KE ATAS
Kategori : MO1, E01 & E02
Tempoh Penyiapan : SATU (1) TAHUN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu, Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 24 Mei 2016.**

Dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam

semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 8 April 2016, Jumaat, jam 4.00 Petang.**

b. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1 Jabatanarah Kewangan dan Perolehan Blok 'D' Kementerian Pertahanan Bolkiah Garison

BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat

8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.30 Petang hingga 3.00 Petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>.



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **bilangan tawaran** serta **tarikh tutup** tawaran, iaitu tanpa menunjukkan **identiti pengirim**.

3. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (*Business names of Enactment Section 16 and 17*) atau *List of Directors* dan salinan kad pengenalan.

4. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** bertempat di **Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan** dan

Pengerusi
Jawatankuasa Meneliti Tawaran dan Sebut Harga
Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

TAJUK :

Sebut Harga bagi Pembekalan dan Pemasangan *Vertical Banner* sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-70 Tahun bagi Tahun 2016

BILANGAN TAWARAN : JBBSB/SH/2016-2017/11/BPH TARIKH TUTUP TAWARAN :

KHAMIS, 19 Mei 2016, JAM 2.00 PETANG

Bayaran menyertai tawaran ini ialah **BND12.00** bagi setiap satu tawaran dan bayaran ini tidak dikembalikan kepada penender-penender. **Bayaran boleh dibayar di :**

Bahagian Kaunter
Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat 3, Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan
Jalan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam.

5. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak akan dilayan.

6. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 20 April 2016**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan.

Dokumen-dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Selasa** pada **17 Mei 2016**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan)**. Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu menerima bayaran :
ISNIN hingga KHAMIS
8.00 PAGI hingga 11.00 PAGI
2.00 PETANG hingga 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada

pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah *Poison Act (Cap. 114)*.

- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL. TAWARAN :
KK/54/2016 (ESTET)(TC)
KETERANGAN :
THREE YEARS TERM CONTRACT
FOR COMPREHENSIVE
MAINTENANCE AND REPAIR
OF GENERATOR SET IN
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan
Kementerian Kesihatan dan
KementerianPembangunan

Kategori : M03, E01, E02 & E03
[Retender from KK/03/2016(ESTET)(TC)]

YURAN TAWARAN : BND30.00
TARIKH TUTUP :
Tidak lewat jam 2.00 Petang
pada 17 MEI 2016

BIL. TAWARAN :
KK/55/2016(UPP)(TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
TOTAL KNEE PROSTHESIS,
TOTAL HIP PROSTHESIS AND
HIP REPLACEMENT FOR
DEPARTMENT OF ORTHOPEADIC,
RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL
FOR APERIOD OF THREE(3) YEARS

YURAN TAWARAN : BND500.00
TARIKH TUTUP :
Tidak lewat jam 2.00 Petang
pada 17 MEI 2016

IKLAN WEBSITE PADA
20 APRIL 2016.

Kedai buku bahasa Arab penuhi keperluan masyarakat

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

"IDEA ini timbul apabila mendengar titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk menjadikan rakyat di negara ini agar peka terhadap pembacaan Al-Quran dan sentiasa memartabatkan bahasa Arab di sekolah-sekolah di negara ini."

BAHASA Arab begitu dekat di hati umat Melayu dan hampir 1,700 patah perkataan Arab telah diterima pakai di dalam bahasa Melayu sejak awal kedatangan Islam di dunia Nusantara.

Bahasa Arab sudah sebatan dan menjadi darah daging umat Islam dulu, kini dan selamanya di mana hampir setiap hari mereka akan mendengar dan bertutur di dalam bahasa Arab tanpa disedari. Dengan jumlah umat Islam yang kini mencecah 1.6 bilion orang di seluruh dunia, bahasa Arab sudah sebatan di hati dan di bibir umat Islam dan buktinya ialah setiap hari kita diwajibkan bersembahyang yang mana bacaan dan doa di dalamnya adalah di dalam bahasa Arab, manakala kita juga akan mendengar laungan azan dan iqamat setiap kali tibanya waktu sembahyang yang juga di dalam bahasa Arab.

Lebih unik lagi bagi umat Islam, perkataan pertama yang didengar sejurus selepas dilahirkan ke dunia ialah azan dan iqamat yang menandakan kecintaan kita terhadap bahasa Arab telah diterap sejak masih anak damit lagi.

Kitab Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia juga adalah di dalam bahasa Arab dan seluruh umat Islam digalakkan membaca, memahami, menghafal, mengikuti segala ajaran dan melaksana serta menterjemahkan segala panduan di dalam kehidupan seharian.

KEDAI BUKU BAHASA ARAB

Di dalam kita cuba mempertingkatkan kemahiran



PELBAGAI jenis buku bahasa Arab untuk rujukan orang ramai dan para penuntut sekolah Arab yang memerlukan.

berbahasa Arab kita agar lebih sempurna, ternyata di Negara Brunei Darussalam dalam sedar tak sedar, kita mempunyai sebuah kedai yang menjual pelbagai buku di dalam bahasa Arab.

Ini merupakan kedai buku bahasa Arab pertama sepenuhnya yang terdapat di negara kita. Kedai yang dimiliki oleh sepasang suami isteri ini memang patut diberikan pujian kerana dengan adanya kedai buku seumpamanya membolehkan kita terutama para tenaga pengajar bahasa Arab, guru-guru agama dan lebih-lebih lagi para pelajar di negara ini yang dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi bahasa Arab mereka terutama di dalam menghalusi bacaan Al-Quran, bolehlah berkunjung ke kedai ini yang terletak di Kompleks Tanjung Bunut.

Mereka bukan saja berpeluang untuk mendapatkan buku yang diperlukan, tetapi juga boleh bertukar-tukar pendapat dan pengetahuan tentang bahasa bersama pemilik kedai berkenaan yang semangannya berasal dari negara Mesir dan sudah tujuh tahun menetap di negara ini bersama isteri beliau yang merupakan warga Negara Brunei Darussalam.

Menurut Wael Altaher Okasha dan isterinya, Dayang Norhidayati binti Tompal yang merupakan seorang tenaga pengajar bahasa Arab di Ma'had Islam Brunei, Tutong, menjelaskan matlamat utama Al-Araby Bookstore & Gift Shop ini diperkenalkan agar orang ramai di negara ini akan dapat memiliki buku-buku bahasa Arab mereka dan mempelajarinya di mana dengan menguasai bahasa Arab juga akan memudahkan kita mendalami inti pati dan pengertian Al-Quran,



BUKU cerita ringkas kanak-kanak dalam bahasa Arab turut dijual.



PASANGAN suami isteri yang memperjuangkan dalam mempertingkatkan bahasa Arab.

hadis Rasulullah dan kitab-kitab muktabar para ulama silam yang kebanyakannya ditulis di dalam bahasa Arab.


MENYAHUT TITAH

Saat ditanya bagaimana mula timbulnya idea kedua-dua mereka untuk membuka kedai buku pertama yang memperkenalkan sepenuhnya di dalam bahasa Arab, jelasnya, idea ini timbul apabila mendengar titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk menjadikan rakyat di negara ini agar peka terhadap pembacaan Al-Quran dan sentiasa memartabatkan bahasa Arab di sekolah-sekolah di negara. Tambahan lagi negara kita merupakan sebuah negara Islam yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir dan melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia kami berhasrat untuk menyahut titah baginda berkenaan.

"Sebelum ini kami memang menjual buku-buku seperti ini juga di rumah dalam empat tahun yang lalu sebelum memiliki kedai buku bahasa Arab pertama di negara ini," jelas Dayang Norhidayati.

"Kemahiran bahasa Arab juga membolehkan kita memahami maksud setiap bacaan di dalam sembahyang, doa-doa, wirid, zikir dan sebagainya dan kebanyakan buku-buku ini didatangkan dari Mesir dan beberapa negara Arab lainnya, tambahan pula bahasa Arab bukanlah mudah bagi mereka yang baru untuk mempelajari dan memahaminya kerana itu kami memperkenalkan pelbagai buku yang mengikut peringkat-peringkatnya bermula dari peringkat senang, sederhana dan lanjutan," tambah suami beliau Wael Altaher.

Jelas isteri beliau pula, bila kita perhatikan kebanyakan buku-buku bahasa Arab yang ada di negara ini cuma berbentuk buku untuk penghafalan jika dibandingkan dengan buku-buku berbahasa Inggeris yang dipelbagaikan dari bentuk bacaan hinggalah pada buku berbentuk hiburan seperti buku cerita dan sebagainya sedangkan buku berbahasa Arab tidak mempunyai seumpamanya dan dari sinilah kami terfikir untuk memperkenalkan buku-buku bahasa Arab yang juga mempunyai buku berbentuk cerita kanak-kanak, permainan dan sebagainya di mana semuanya di dalam bahasa Arab.



KAMUS dalam bahasa Arab juga boleh diperolehi di kedai beliau.

JUAL BUKU PELBAGAI PERINGKAT

Suami beliau yang juga merupakan seorang pencinta bahasa menjelaskan, Al-Araby Bookstore & Gift Shop bukan hanya terhad pada buku-buku untuk orang dewasa bahkan ia juga menjurus pada buku-buku untuk kanak-kanak kecil kerana melalui usia yang masih kanak-kanak lagi kita boleh mempraktikkan mereka untuk lebih mendekati bahasa Arab di mana baginya bahasa Arab adalah bahasa umat Islam dan bahasa syurga ini terbukti di mana bahasa ini diucapkan setiap hari di dalam amalan ritual dan muamalah umat Islam secara global dan kebolehan berbahasa Arab membolehkan kita berkomunikasi dengan saudara sesama Islam di seluruh dunia terutama di negara-negara Arab dan dapat mengenali mereka secara lebih dekat serta mengikat silaturahim sesama umat Islam.

Manakala isteri beliau yang juga tenaga pengajar bahasa Arab menjelaskan, bahasa Arab juga mempunyai nilai komersial yang tinggi dan berdaya saing serta mampu menandingi bahasa dunia lain seperti bahasa Inggeris, Perancis, Rusia dan sebagainya.

"Nilai ekonomi yang terdapat pada bahasa Arab membolehkannya diiktiraf sebagai salah satu bahasa utama dan terpenting di dunia serta telah menarik ramai orang mempelajarinya. Bagi umat Islam, bahasa Arab adalah bahasa perpaduan dan penyatuan. Walaupun tidak semua negara Islam menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi, namun begitu bahasa Arab tetap memainkan peranan penting di dalam kehidupan kita

terutama sekali di dalam mengerjakan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala," terangnya lagi.

Ujar Dayang Norhidayati lagi, inisiatif kerajaan kita melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama memperkenalkan mata pelajaran bahasa Arab seperti Pendidikan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Tulisan Jawi secara yang lebih efektif di sekolah-sekolah rendah mampu memperkasakan penguasaan dan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan rakyat kitani pada awal peringkat persekolahan rendah lagi bahkan pada peringkat sekolah menengah dan yang lebih tinggi hampir semua institusi pengajian tinggi di seluruh negara adalah momentum positif pada bahasa syurga ini.

Mengakhiri perbualan bersama pada hari itu, Wael juga memberi kata-kata hikmah di mana jelasnya, supaya kita berusaha sedaya upaya untuk bertutur dalam bahasa Arab yang betul kerana bahasa Arab yang betul itu adalah satu-satunya syiar Islam.

Bagi yang memerlukan buku-buku rujukan atau ingin mempertingkatkan kemahiran bahasa Arab bolehlah berkunjung ke kedai ini bahkan ia bukan hanya menjual buku-buku bahasa Arab, tetapi juga turut menjual pelbagai cenderamata yang menarik dan berkualiti juga didatangkan dari Egypt tambahan pula bila berkunjung ke kedai ini, ia menjanjikan suasana yang damai dan selesa walaupun cuma memiliki ruang yang sederhana besar namun terasa begitu selesa dan damai dengan layanan yang begitu sopan, ramah dan tamah daripada pemilik kedai berkenaan.

Belait Fair 2016, 8 Mei hingga 6 Jun



KUALA BELAIT, Ahad, 8 Mei. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mumong dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait (JDB) dan Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia telah menganjurkan Belait Fair 2016.

Belait Fair ini dikendalikan oleh gandingan dari dua buah syarikat swasta, Mizswan Company serta Rosnah Yusuf and Sons Entertainment.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan perasmian Belait Fair 2016 ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar.

Hadir sama, Pegawai Daerah Belait,

TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar (kanan) merasmikan Belait Fair 2016.

BEP 2016 bantu rancang pembangunan, sedia dasar



PEMANGKU Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Abdul Amin bin Haji Hashim (tengah) semasa mempengerusikan Sidang Media Banci Ekonomi Perusahaan / Perniagaan (BEP) 2016.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mei. - Bagi mengumpulkan maklumat yang komprehensif dan terkini berkaitan dengan pertumbuhan, sumbangan komposisi dan taburan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh syarikat-syarikat perusahaan / perniagaan di sektor swasta, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan mengendalikan Banci Ekonomi Perusahaan / Perniagaan (BEP) 2016 bermula Mei 2016.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Abdul Amin bin Haji Hashim dalam satu Sidang Media mengenai Banci Ekonomi Perusahaan / Perniagaan (BEP) 2016 bertempat di ibu pejabat JPKE, Jalan Ong Sum Ping, di sini.

Awang Haji Abdul Amin seterusnya menjelaskan bahawa BEP 2016 meliputi semua syarikat-syarikat perusahaan / perniagaan yang aktif

beroperasi di negara ini dan akan mengumpulkan maklumat mengenai aktiviti ekonomi, profil syarikat, pendapatan dan perbelanjaan perusahaan serta keterangan pekerjaan bagi tahun rujukan 2015.

Menurut beliau, maklumat yang diberikan oleh syarikat-syarikat perusahaan / perniagaan akan dirahsiakan mengikut Akta Perangkaan, Bab 81 dari undang-undang Negara Brunei Darussalam dan akan digunakan untuk tujuan perangkaan sahaja.

"Data yang dikumpul akan digunakan untuk penyusunan perangkaan akaun negara terutama bagi pengiraan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi mengetahui sumbangan terkini sektor swasta kepada pertumbuhan ekonomi negara. Hasil dari BEP 2016 ini akan dapat membantu kerajaan dalam merancang pembangunan dan penyediaan dasar selain pihak sektor swasta sendiri juga boleh menggunakannya dalam merancang dan memperkembangkan aktiviti dan strategi perniagaan masing-masing," ujarnya.

Sementara itu terang beliau, borang tanya BEP 2016 akan diedarkan kepada syarikat-syarikat perusahaan / perniagaan yang aktif menjalankan perniagaan melalui pos, e-mel atau dihantar oleh pegawai-pegawai banci yang dilantik mulai Mei 2016.

Borang tanya dan panduan BEP 2016 juga tambahannya, boleh juga dimuat turun dari laman sesawang JPKE di mana tarikh tutup untuk mengembalikan borang tanya yang diisi dengan lengkap ke JPKE ialah 30 Jun 2016 sama ada melalui pos, faksimile, e-mel atau menghantar terus ke JPKE.

Sokongan dan kerjasama dari semua syarikat-syarikat perusahaan / perniagaan di negara ini dalam memberikan maklumat yang dikehendaki adalah sangat diperlukan untuk menjayakan BEP 2016 agar dapat mencapai maklumat yang dihasratkan.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai BEP 2016 bolehlah dirujuk ke JPKE melalui telefon, iaitu +673 2230250 atau +673 2230251 (waktu pejabat) atau e-mel ke economic.census@jpke.gov.bn atau melayari ke laman sesawang www.depd.gov.bn.

Juga hadir ialah Pengarah Perangkaan, Dayang Hajah Mariah binti Haji Yahya.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

Awang Haji Haris bin Othman.

Sementara itu, Ketua Kampung Mumong, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya menjelaskan, Belait Fair merupakan acara julung kalinya dianjurkan oleh MPK Mumong dan dihasratkan dapat menceriakan dan menyemarakkan lagi suasana di Daerah Belait.

Tujuan Belait Fair diunkayahkan untuk membantu mengisi Tabung Amal Daerah Belait dalam sama-sama berusaha dengan JDB membantu masyarakat yang kurang mampu dan benar-benar memerlukan bantuan bagi meringankan beban yang mereka tanggung.

Pada majlis itu, tetamu kehormat majlis juga menyempurnakan pelepasan ekspedisi berbasikal

yang disertai oleh lebih 30 peserta berbasikal yang melalui Jalan Penglima dan Jalan Maulana seterusnya melalui Pekan Kuala Belait.

Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN seterusnya melawat petak jualan yang disertai lebih daripada 50 peserta jualan yang menjual pelbagai jenis jualan termasuk makanan.

Antara aktiviti sampingan dalam Belait Fair termasuk Tamiya Control yang akan diadakan pada 14 - 15 Mei, Four Wheel Drive Car Show pada 16 Mei, Pertandingan Memasak pada 22 Mei dan NBT Car Show pada 26 - 29 Mei.

Belait Fair 2016 akan diadakan sehingga 6 Jun, bermula dari jam 10 pagi hingga 10 malam dan orang ramai adalah dialu-alukan berkunjung membeli sambil beramal.

Kongsi kemahiran pentadbiran, pengurusan perpustakaan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mei. - Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam kini sedang giat mengadakan aktiviti-aktiviti sampingan sempena menyambut hari ulang tahun persatuan kali ke-30 tahun.

Sehubungan itu, seramai 20 orang Exco Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam telah menjalani Program Pemimpin Baharu bertempat di Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lambak Kanan, di sini.

Penerangan mengenai peranan kepimpinan disampaikan oleh Pembantu Perpustakaan Tingkat I, Perpustakaan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Dayang Nooralizah binti Mohamad.

Juga memberi penerangan dan tunjuk ajar ialah Yang Dipertua Persatuan, Dayang Nellie binti Dato Paduka Haji Sunny.

Aktiviti ini adalah berkaitan dengan hal ehwal perpustakaan yang berguna untuk pustakawan khususnya exco persatuan sebelum dilaratkan kepada ahli-ahli biasa persatuan.

Program tersebut merupakan modul pertama sebagai pengenalan kepada realiti, konteks dan aspek-aspek peribadi perpustakaan.

Para peserta mencerminkan kepada

aspek konteks peranan mereka yang berkaitan dengan strategi jabatan, pasukan memimpin serta kerjasama dan pakatan di dalam dan luar organisasi.

Adapun tujuan program diadakan ialah untuk memberikan pengalaman dan pengetahuan dalam peranan kepimpinan terutama ketika berhadapan dengan teknologi terkini yang mana pihak perpustakaan khususnya pustakawan sentiasa berhadapan dan perlu sentiasa seiring dengan teknologi dan informasi terkini bagi memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pengguna.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk berkongsi kemahiran dalam pentadbiran dan pengurusan perpustakaan bagi mencapai Wawasan Negara 2035 serta memberi bimbingan, cabaran dan inspirasi kepada kemahiran kepimpinan melalui pembelajaran melalui program kemahiran ini.

Di samping untuk mengongsikan kepimpinan yang boleh dipercayai kepada ketua, rakan-rakan dan orang bawahan, justeru perlu ada kemahiran serta pemikiran sebagai pemimpin untuk menguasai cabaran dan memenuhi harapan tinggi yang dihadapi oleh pemimpin baharu.



PROGRAM Pemimpin Baharu disertai oleh 20 ahli Exco Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam.

Kutip 1 emas, 1 gangsa



ATLET veteran negara, Awang Haji Zainal Haji Namit (kanan) dan Awang Osman Lahab (kiri) masing-masing merangkul pingat emas dan gangsa pada Kejohanan Olahraga Master Asia Ke-19 di Republik Singapura.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Ihsan Persatuan Atlet Veteran Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mei. - Negara Brunei Darussalam berjaya merangkul satu pingat emas dan satu pingat gangsa pada Kejohanan Olahraga Master Asia Ke-19 (Asian Master Athletics Championship - AMAC) 2016 yang telah diadakan di Republik Singapura bermula 4 hingga 8 Mei lepas.

Pingat emas tersebut diperolehi menerusi Awang Haji Zainal Haji Namit dalam Acara Rejam Lembing bagi Kategori Lelaki berumur 60 tahun ke atas.

Awang Haji Zainal berjaya membuat rejaman sejauh 48.13 meter pada percubaannya yang ketiga sekali gus menyingkirkan 12 peserta yang lainnya.

Pingat perak pula dimenangi oleh Ota Seiji dari Jepun yang membuat catatan 48.01m dan pingat gangsa dikutip oleh Tarmizi Sandu dari Malaysia dengan catatan terbaiknya 41.40m.

Manakala pingat gangsa negara,

dikutip menerusi Awang Osman Lahab bagi Acara Lari 5,000m bagi Kategori Lelaki 70 tahun ke atas dengan mencatatkan masa 26:55.32 selepas tertinggal oleh pelari dari Mongolia, Adilbish Baasan yang mencatat masa 25:55.46 dan pingat emas dimenangi oleh Sun Yu Quan dari China dengan catatan masa 23:41.71.

Dalam acara yang disertai oleh Awang Osman Lahab bagi Acara Lari 1,500m, beliau berada di tangga keenam daripada tujuh peserta dengan mencatat masa 7:05.51 selepas peserta China mendominasi kedudukan teratas menerusi Li En Yu.

Kejohanan yang berlangsung selama lima hari bermula 4 hingga 8 Mei tersebut disertai oleh lebih 2,000 peserta dari 32 buah negara Asia.

Penyertaan negara ke kejohanan tersebut merupakan yang kelima dan pada kali ini negara hanya menghantar enam atlet veteran.

JIS juara Zon III



PEMANGKU Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar semasa bergambar ramai pada Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Peringkat Zon III.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUTONG, Isnin, 9 Mei. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) muncul juara keseluruhan dalam Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Peringkat Zon III yang berlangsung di Padang Belapan, Kompleks Sukan Tutong.

Kejohanan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Ma'had Islam Brunei selaku tuan rumah, mempertandingkan dua kategori, iaitu Kategori 'B' dan Kategori 'C'.

Dalam Kategori 'B', pasukan JIS dinobatkan sebagai juara setelah menang tipis ke atas Sekolah Menengah (SM) Muda Hashim dengan jaringan 1 - 0.

Dengan ini, sekali gus menjadikan SM Muda Hashim sebagai naib juara, manakala pasukan tuan rumah menduduki tempat ketiga.

Bagi Kategori 'C' pula, kepantasan

dari serangan balas cantik dari pasukan JIS mampu menobatkan pasukan tersebut juara setelah menang mudah ke atas SM Sayyidina Husain dengan keputusan yang berakhir 5 - 0.

Tempat ketiga bagi Kategori 'C' pula dimenangi oleh SM Masin.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Awang Haji Shamsol bin Haji Omar.

Sementara itu, Derrick Brown dari pasukan JIS dipilih menjadi Pemain Terbaik Kategori 'B', manakala Penjaring Terbanyak kejohanan dengan dua jaringan keseluruhan ialah pemain pasukan JIS berjersi 10, Billy Brooks.

Dalam Kategori 'C' pula, penjaga gawang dari pasukan JIS, Awang

Zafri Majid, dipilih menjadi Pemain Terbaik, dengan Ryan Moran penyerang berjersi 9 dari pasukan JIS yang telah menjaringkan tujuh gol sepanjang perlawanan menjadi Penjaring Terbanyak.

Kejohanan ini dijalankan mengikut Peraturan dan Undang-Undang Permainan Bola Sepak, iaitu Undang-Undang Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), Undang-Undang Persekutuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (NFABD) dan Undang-Undang Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Sebanyak sembilan buah sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab Zon III menyertai kejohanan yang dibukakan kepada pelajar-pelajar lelaki mengikut kategori kumpulan umur, iaitu Kategori 'B' berumur 15 tahun ke bawah dan Kategori 'C' bagi pelajar yang berumur 16, 17 dan 18 tahun sahaja.

SM Berakas juara Beregu Lelaki Kejohanan Pingpong



KETUA Unit Kegiatan Luar, Jabatan Sekolah-Sekolah, Pengiran Othman bin Pengiran Karim (kiri) bergambar ramai bersama pemenang Kategori Beregu Lelaki pada Kejohanan Akhir Pingpong Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Zon II.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mei. - Sekolah Menengah Berakas muncul juara Beregu Lelaki Kejohanan Akhir Pingpong Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Zon II yang berlangsung di Kompleks Sukan Mengliat, Gadong.

Sementara itu, bagi Kategori Perseorangan Lelaki dijuarai oleh Sekolah Menengah Katok.

Kategori Beregu Perempuan dijuarai oleh Pusat Tingkatan Enam Meragang, manakala Beregu Lelaki dimenangi oleh Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang ialah Ketua Unit Kegiatan Luar, Jabatan

Sekolah-Sekolah, Pengiran Othman bin Pengiran Karim.

Seramai tiga kategori menyertai Kejohanan Akhir Pingpong Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Zon II anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan diungayahkan oleh Sekolah Menengah Berakas mempertandingkan tiga kategori.

Sekolah-sekolah dan maktab-maktab yang menyertai pertandingan tersebut antaranya dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri; Pusat Tingkatan Enam Meragang, Sekolah Menengah Rimba, Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Sekolah Menengah Katok dan Sekolah Menengah Berakas.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PIKUL TANGGUNGJAWAB DENGAN AMANAH, IKHLAS LAGI JUJUR

دريبتكن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان من تري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.